

Jilid I
Bil. 23



Hari Jumaat
6hb Disember, 1974

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2049]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1975:

Jawatankuasa (Hari Kelima)—

Jadual—

Kepala B. 13 hingga B. 15 [Ruangan 2054]

Kepala B. 17 dan B. 18 [Ruangan 2103]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1975:

Jawatankuasa (Hari Kelima)—

Kepala P. 17 [Ruangan 2103]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Jumaat, 6hb Disember, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- „ Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K., (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P., (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).

Yang Berhormat TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).

- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., B.K., J.P. (Sandakan).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDUN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

„ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).

„ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).

„ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUN (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

„ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).

„ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).

„ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).

„ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).

„ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suher bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

KEKURANGAN PERKHIDMATAN BAS

1. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan apa langkah telah diambil oleh Kementerian beliau untuk memperbaiki perkhidmatan bas yang buruk di Kuala Lumpur dan lain-lain tempat di sekitarnya.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat itu agak umum. Jika sekiranya Yang Berhormat itu menegor tentang kekurangan-kekurangan dalam pengurusan perkhidmatan-perkhidmatan bas yang diberikan oleh syarikat-syarikat bas yang tertentu, saya suka mencadangkan supaya Yang Berhormat itu mengemukakan perkara ini samada terus kepada pihak pengurusan syarikat-syarikat bas yang berkenaan atau melaporkan kepada Kementerian ini apa-apa kekurangan tertentu supaya tindakan-tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

Jika sekiranya masaalah yang ditimbulkan itu ialah bahawa perkhidmatan bas-bas adalah sebahagian daripada masaalah lalu-lintas di dalam dan di sekitar Kuala Lumpur, saya suka mengulangi di mana yang perlu jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan di Dewan ini pada 7hb November, 1974, di mana telah dimaklumkan bahawa satu Kajian Dasar Perancangan Lalulintas bagi Kawasan Bandaraya Kuala Lumpur (The Urban Transport Policy & Planning Study for Metropolitan Kuala Lumpur) telah dijalankan oleh sebuah firma pakar-pakar Perunding Antara Bangsa dan telah mengesyorkan kepada kerajaan langkah-langkah tertentu seperti berikut:

- (1) Pembinaan dan pembentukan satu Traffic Dispersal Scheme bagi Kuala Lumpur dan Petaling Jaya yang mengandungi satu jalan baru daripada

Jalan Sungei Besi ke Jalan Kuching termasuk beberapa buah Interchange.

- (2) Mengadakan jalan-jalan bas yang berasingan, yang terutama ialah antara Bandar Baru Subang/Sungei Way ke Pusat Bandar.
- (3) Pelaksanaan Rancangan Pusingan lalu-lintas sementara kawasan Pusat Bandar Kuala Lumpur (Interim Kuala Lumpur Central Area Circulation Plan).
- (4) Pembentukan Unit Kenderaan Awam dengan dua tugas utamanya untuk memastikan perkhidmatan kenderaan awam yang tinggi mutunya dan penggunaannya yang lebih luas oleh orang ramai bagi kawasan Bandar Kuala Lumpur dan kawasan-kawasan sekitarnya.
- (5) Mengadakan Undang-undang meletak kereta yang tertentu sebagai langkah menghadkan penggunaan kenderaan-kenderaan persendirian di kawasan Pusat Bandar.

Sementara itu satu Jawatankuasa Khas telah dibentuk yang mana mengandungi Pegawai-pegawai daripada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan bagi mengawasi dan menyelaraskan serta mempercepatkan pelaksanaan langkah-langkah sebagaimana yang telah disyorkan oleh pasukan Perunding itu.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang berhormat menteri yang berkenaan sedar bahawa kekurangan perkhidmatan bas itu bukanlah berlaku di Kuala Lumpur sahaja, tetapi berlaku juga di bandar-bandar besar lain seperti di Pulau Pinang. Adakah Jawatankuasa yang dibentuk itu akan menyiasat juga keadaan buruk perkhidmatan bas yang berlaku di lain-lain tempat?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, soal pokok mengenai perkhidmatan bas di Kuala Lumpur dan lain-lain tempat di sekitarnya. Jadi, kalau Yang Berhormat itu hendak tahu tentang apa tindakan yang akan diambil oleh Kementerian ini tentang kekurangan bas di Kuala Lumpur dan lain-lain tempat di sekitarnya, maka saya suka merujuk Ahli Yang Berhormat itu kepada satu jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri pada 7hb November, 1975 yang mana sudah diterangkan hal itu.

SIJIL KEWARGANEGARAAN

2. Tuan S. Samy Vellu (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apakah bukti kelahiran di Malaysia yang boleh diterima untuk mendapat Sijil Kewarganegaraan Malaysia, dalam kes-kes di mana pemohon-pemohon tidak mempunyai Sijil Beranak dan tidak dapat dicari pendaftaran kelahiran mereka dalam rekod-rekod rasmi Kerajaan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, hanya Sijil Beranak diakui sebagai keterangan kelahiran bagi permohonan menjadi warganegara dengan cara pendaftaran.

Mereka yang tidak mempunyai Sijil Beranak boleh memohon dengan cara masukan di bawah Perkara 19 (1) (a) (i) Perlembagaan.

RANCANGAN BANTUAN PERTANIAN

3. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada beliau sedar bahawa beberapa kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak telah ketinggalan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Pembangunan Malaysia Kedua, khasnya kawasan-kawasan pendalaman daerah Bintulu iaitu Ulu Anap dan Ulu Kemena.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar.

Dalam bidang pertanian pula rancangan bantuan yang dijalankan di Daerah Bintulu, 17 jenis rancangan bantuan berjalan di bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua. Kawasan Ulu Anap mempunyai 6 rancangan iaitu bantuan tanaman getah, bantuan tanaman lada hitam, bantuan tanaman pokok buah-buahan, bantuan tanaman kopi, bantuan tanaman tahunan dan satu jentera pembajak.

Di kawasan Ulu Kemena pula 7 rancangan pembangunan yang berjalan di bawah Rancangan Malaysia Kedua iaitu bantuan tanaman getah, bantuan tanaman padi, bantuan tanaman pokok buah-buahan, bantuan tanaman kopi, tanaman tahunan, lapan buah jentera pembajak dan bantuan pemasaran babi.

JAWATANKUASA TETAP PARLIMEN PERBADANAN AWAM

4. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Penyelarasan Perbadanan-perbadanan Awam menyatakan samada beliau akan menimbang dengan baik untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Tetap Parlimen Perbadanan-perbadanan Awam untuk mengadakan jagaan dan kawalan ketat ke atas segala wang rakyat yang dibelanjakan oleh perbadanan-perbadanan awam ini.

Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu adalah termasuk di dalam tugas-tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang ditubuhkan mengikut Bil. 77 Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Bagaimana yang termaklum Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ini adalah satu daripada Jawatankuasa-jawatankuasa Tetap Parlimen. Dari itu adalah tidak perlu untuk menubuhkan sebuah lagi Jawatankuasa Tetap Parlimen khas untuk mengawal berkaitan dengan perkara kewangan Perbadanan Awam. Walau bagaimanapun, Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam sentiasa mengesan dan menyelaras kegiatan-kegiatan Perbadanan Awam bukan sahaja dari segi kewangan bahkan daripada segala segi untuk menentukan bahawa perbadanan-perbadanan ini mencapai objektif-objektif yang ditugaskan kepadanya seimbang dengan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada beberapa Perbadanan Awam seperti S.E.D.C. tidak membentangkan (submit) kira-kira dalam tempoh yang dituntut oleh undang-undang?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu sedar sebutkan yang mana satu.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, satu daripadanya ialah S.E.D.C. Negri Sembilan yang tidak mengikut undang-undang bagi membentangkan kira-kiranya.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya tidak sedar, tetapi kita tengoklah perkara ini nanti.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan timbangkan juga bahawa PERNAS sebagai satu private company atau satu corporation?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain.

PEJABAT-PEJABAT IMIGERESEN

5. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk membina lebih banyak lagi Pejabat Imigresen di seluruh Negara, memandangkan bilangan yang ada sekarang tidak mencukupi dan beban kerja kakitangan Pejabat Imigresen terlalu berat dan nyatakan juga samada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk meluaskan Pejabat Imigresen Ipoh oleh kerana tempat pejabat ini selalu sesak.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah sentiasa mengkaji dari semasa ke semasa tentang keperluan mengadakan Pejabat-pejabat Imigresen yang baru khususnya di tempat-tempat yang sekarang ini tidak ada Pejabat Imigresen. Ini adalah berpandukan kepada keperluan mengadakan Pejabat Imigresen di tempat itu. Misalnya, pada tahun hadapan satu Pejabat Imigresen baru akan diadakan di Muar, Johor.

Mengenai Pejabat Imigresen Ipoh, pada masa ini didapati pejabat itu masih mencukupi untuk memberi layanan kepada orang ramai dalam kawasan itu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1975

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1975

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas

Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 dan Anggaran Pembangunan, 1975 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (5hb Disember, 1974).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Saya suka hendak memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa selain daripada Kementerian Perancang Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi yang akan menyambungkan perbincangannya peringkat Jawatankuasa pada petang ini bahawa kita ada lagi 20 Kepala daripada 23 semuanya. Dua Kepala telah diselesaikan. Sekarang ini ada 20 Kepala lagi tidak termasuk Kementerian yang ada ini yang akan menyambung kelak. Jikalau dikira hari yang diperuntukkan, maka terpaksalah kena ditamatkan perbincangan dalam peringkat Jawatankuasa ini tidak lewat pada petang 18 haribulan. Jika kita tolak masa Soal-Jawab, maka ada bakinya lebih kurang 31 jam 50 minit. Ini bermakna pukul rata bagi sesuatu Kementerian, kita cuma ada 1½ jam sahaja. Ini sudah tentu tidak cukup dan ada Kementerian-kementerian yang banyak Jabatan-jabatan di bawahnya yang terpaksa Yang di-Pertua menguntukkan masa yang lebih daripada 1½ jam. Jadi tidaklah tujuan saya pada petang ini hendak memperuntukkan waktu yang tetap bagi Kementerian, tetapi saya hendak memberi ingatan bahawa harus kita terpaksa kena menyambungkan perbincangan dalam peringkat Jawatankuasa pada dua tiga empat hari kemudian lewat daripada masa pukul 6.30 petang.

Dari itu saya harap dan meminta kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa bila membuat teguran atau pengesyuran dalam ucapannya tolong ringkaskan seberapa yang boleh, supaya mengelakkan daripada kita terpaksa kena bermesyuarat larut malam. Itulah sahaja saya hendak membuat pesanan pada ketika ini.

Kepala B. 13, B. 14 dan B. 15 (Jadual)—

2.48 ptg.

Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Pengerusi, sebelum kita menanggukuhkan mesyuarat semalam, saya

telahpun menerangkan mengenai perbelanjaan dan kegiatan Kementerian serta Jabatan Perangkaan. Hari ini, saya mohon dengan izin Tuan Pengerusi menyambungkan dengan penjelasan mengenai Pusat Pembangunan Malaysia.

Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia bertindak sebagai "catalyst" dan memberi sokongan kepada jentera pelaksanaan agensi-agensi Kerajaan. Panduan dan sokongan ini adalah dalam bentuk memainkan peranan sebagai tenaga penghubung yang aktif di antara perancang dan pembuat dasar di peringkat atas dengan "implementor" seterusnya dengan rakyat biasa. Tugas yang disebutkan itu adalah dijalankan melalui pelaksanaan tiga aktiviti-aktiviti besar Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia, iaitu melalui seminar, bengkel, penyelidikan dan dokumentasi dan publikasi.

Peruntukan di bawah Kepala B. 15 berjumlah \$978,600 adalah untuk:

- Pentadbiran Am;
- Aktiviti-aktiviti Seminar;
- Aktiviti-aktiviti Penyelidikan.

Peruntukan bagi tahun 1975 adalah tambahannya sebanyak \$92,788 dari tahun 1974.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Bahagian Seminar dapat dibahagi kepada dua jenis:

- (1) Menganjur seminar dalam rangka-rangka kerja Bahagian ini sendiri serta membantu samada secara giat melalui pelepasan tenaga (manpower support) pegawai ataupun secara khidmat nasihat di dalam pengendalian seminar yang dianjurkan oleh Kementerian lain atau badan-badan berkanun;
- (2) Menganjurkan lawatan-lawatan untuk pegawai-pegawai daripada negara-negara yang sedang membangun yang ingin mempelajari dari Malaysia kaedah-kaedah dan teknik-teknik pelaksanaan rancangan pembangunan dan struktur jentera pembangunan dalam negeri ini.

Pusat ini bercadang untuk terus mengadakan seminar-seminar di berbagai negeri yang menyentuh atas topik yang sangat perlu

sekarang ini, iaitu kerjasama di antara pihak swasta dan pihak sektor am dalam melaksanakan dan menjayakan Rancangan Malaysia Kedua dan rancangan pembangunan amnya. Berikutan dengan ini Bahagian Seminar akan menyunting lapuran-laporan berkenaan dengan resolusi-resolusinya dan ini pula akan dimajukan kepada Kerajaan untuk dipertimbangkan sebagai perakuan-perakuan. Selain dari itu, Bahagian Seminar akan terus membantu, mengatur dan memberi khidmat kepada jabatan-jabatan Kerajaan serta badan-badan berkanun untuk mengendalikan seminar-seminar, bengkel-bengkel dan konferensi-konferensi.

Sebagai Pusat Penyelidikan pelbagai disiplin dalam pentadbiran Kerajaan, Pusat Pengajian Pembangunan ini akan bertanggungjawab menjalankan kajian-kajian meliputi berbagai aspek mengenai proses pembangunan negara. Ianya akan menitikberatkan aspek-aspek sosio-ekonomi. Berhubung dengan ini dua buah projek yang sedang dijalankan akan memberi gambaran mengenai bidang rangka dan kajian-kajian yang dilaksanakan oleh Pusat ini. Satu daripadanya ialah kajian oleh Bahagian Penyelidikan berkenaan dengan orientasi nilai penduduk-penduduk luar bandar (value orientation of rural people) di seluruh Semenanjung Malaysia pada masa ini dan pada tahun baru mungkin juga kita akan memulakan projek yang demikian di Sarawak. Adalah dijangka bahawa kajian ini akan ditamatkan pada tahun 1975. Bersama dengan agensi-agensi Pusat yang lain, khususnya Jabatan Perangkaan, Yunit Perancang Ekonomi dan Kementerian ini, kerja-kerja awal telah dimulakan oleh Bahagian ini merangka petunjuk-petunjuk sosio-ekonomi atau socio-economic indicators untuk mengukur dan menilai kemajuan pembangunan dalam kontek keadaan-keadaan yang ada di Malaysia ini. Tahun hadapan akan menyaksikan tamatnya kajian-kajian yang telah dijalankan itu. Di samping itu pula kajian-kajian baru mengenai masalah-masalah pembangunan di negeri ini akan dijalankan.

Tuan Pengerusi, dengan penjelasan ini maka nampaklah suatu bentuk inter-aksi dalam Kementerian ini sebagai hasil percantuman badan-badan yang bertugas di bawah pimpinan Kementerian Perancang Am dan Penyelidikan Sosio-ekonomi: Pusat Pembangunan Malaysia ditugas mengkaji

dan memahami rupa dan corak object (the nature of the target of the development efforts on the ground) dan masalah-masalah termasuk masalah sosio-ekonomi yang penting terhadap untuk menjayakan pelaksanaan sesuatu langkah yang diambil oleh Kerajaan. Sambil itu pengertian atas masalah-masalah ini boleh disebarkan terus-menerus menerusi seminar-seminar ataupun boleh dirojokkan sebagai laporan khas yang boleh digunakan oleh Kerajaan. Jabatan Perangkaan bertugas memilih, memungut dan menyimpan maklumat-maklumat yang berbangkit dari penyelidikan di peringkat rakyat dan kawasan-kawasan dengan kataristik-kataristiknya (characteristics) oleh Pusat Pembangunan Malaysia di dalam census dan surveynya sendiri supaya dapat diproseskan menjadi bentuk angka-angka dan angka-angka tunjuk (statistics and indicators) yang dapat menggambarkan wider perspective ataupun pemandangan yang luas yang boleh menolong pengambilan keputusan-keputusan dan penciptaan dasar-dasar yang paling berkesan untuk memenohkan tujuan Kerajaan.

Bahagian Perancang Am pula akan menggunakan hasil-hasil penyelidikan oleh Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia dan statistics and indicator dari Jabatan Perangkaan itu untuk menjalankan tugas memberi nasihat kepada Kementerian-Kementerian yang inginkannya dan untuk memberi sumbangan dalam menggubal objektif-objektif, dasar-dasar dan strategi-stratiji pembangunan. Untuk menentukan supaya langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam melaksanakan dasar-dasar pembangunan dan tujuan-tujuan pentadbiran maka Biro Pengaduan Awam akan cuba menerima dari orang ramai pandangan-pandangan mengenai pelaksanaan dan kesan-kesan pelaksanaan dan pentadbiran menerusi aduan-aduan yang mereka berikan. Mungkin juga dengan reaksi yang positive dan teguran yang constructive daripada rakyat, pembaikan boleh dibuat mengenai cara-cara pelaksanaan itu ataupun suatu patent masalah baru mungkin disedari timbul di kalangan rakyat yang berkehendak perhatian daripada Kerajaan, terutama sekali kalau masalah itu tidak jelas terletak dalam bidang kuasa sesuatu Kementerian ataupun Jabatan. Dengan susunan yang inter-aksi yang saya telah gambarkan tadi, maka saya harap cita-cita Yang Amat

Berhormat Tun Perdana Menteri untuk menyempurnakan lebih-lebih lagi pelaksanaan pembangunan dan merapatkan Kerajaan dengan rakyat dapat dicapai dengan sepenoh-penohnya. Kita tahu kita berada dalam negara ini menjalankan perhubungan rapat menerusi political network, maka besarlah harapan kita semakin negara kita maju bahawa kerjasama dan gotong-royong akan timbul di kalangan rakyat dan satu pembabitan oleh rakyat dalam usaha membangunkan negara kita ini akan dapat kita capai dari setahun ke setahun.

Saya telah mengambil kesempatan untuk menerangkan dengan panjang lebar akan peranan dan bidang kerja Kementerian ini dan Jabatan-jabatan, kerana Kementerian ini adalah Kementerian baru untuk membolehkan Kementerian menjalankan tugas-tugas dan rancangan-rancangannya dengan sempurna. Saya mohon supaya Jawatankuasa ini meluluskan Anggaran Perbelanjaan yang dicadangkan oleh Kementerian saya di bawah Kepala B. 13, 14 dan 15.

2.57 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Anggaran Perbelanjaan Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi yang berjumlah sebanyak \$12,357,635.

Saya akan menyentuh Kepala B. 15—Jabatan Pengajian Pembangunan Malaysia. Jabatan ini, memerlukan perbelanjaan sebanyak hampir \$1 juta atau \$978,600, bagi tahun 1975. Tuan Pengerusi, sebagaimana kita sedia maklum bahawa kegiatan-kegiatan Jabatan ini ialah mengwujudkan satu member bagi menimbangkan aspek-aspek ekonomi, kemasyarakatan, pentadbiran dan politik dalam konteks pembangunan Malaysia melalui bertukar-tukar pendapat antara pegawai-pegawai di Malaysia dan juga pegawai-pegawai dari negara-negara membangun.

Selain dari itu, Tuan Pengerusi, tugas Jabatan ini ialah menjalankan penyiasatan ataupun siasatan mengenai masalah-masalah kemasyarakatan dan lain-lain yang ditempohi dalam process pembangunan di Malaysia.

Tuan Pengerusi, nampaknya activiti Jabatan ini hanya terbahagi kepada tiga

sahaja: pentadbiran, seminar dan penyelidikan. Pada tahun hadapan seperti mana usaha-usaha di Jabatan-jabatan lain, Jabatan ini menerusi kegiatan-kegiatan ataupun menyempurnakan projek-projek pada tahun ini satu rancangan yang menarik perhatian saya ialah dalam usaha Jabatan ini mengumpulkan ucapan-ucapan Allahyarham Tun (Dr) Ismail bin Datuk Abdul Rahman, bekas Timbalan Perdana Menteri kita dalam bentuk buku. Sebagai mengenangkan jasa Allahyarham itu ucapan-ucapan beliau telah disiarkan oleh Kementerian Penerangan melalui radio apabila sahaja Allahyarham itu kembali menemui Tuhan tidak berapa lama dahulu. Menyebut ucapan-ucapan Allahyarham yang padat, tepat, tegas dan bererti itu seolah-olah kita nampak Allahyarham itu berada di hadapan kita, lebih-lebih lagi kepada sahabat-sahabat Allahyarham dari kalangan Yang Berhormat Menteri-menteri dan pegawai-pegawai serta kakitangan-kakitangan di bawahnya.

Ucapan-ucapan yang boleh dianggap seperti lidah pendita yang ada di dalam buku-buku karangan Dr Za'aba tidak boleh dibiarkan begitu sahaja kerana ini adalah penting untuk panduan putera-putera pejuang, pendidik dan seterusnya pemimpin-pemimpin pada masa ini dan pada masa yang akan datang. Oleh yang demikian, usaha Jabatan ini untuk dibukukan ucapan-ucapan Allahyarham itu diucapkan terima kasih dan saya mengharap semua ucapan-ucapan yang mengandungi nasihat, pengajaran, ucapan-ucapan yang tegas dan bererti hendaknya jangan ditinggalkan. Saya percaya jika rakyat mengetahui usaha ini mereka akan tertunggu-tunggu untuk mendapatkan buku itu. Oleh itu, saya mengharap supaya buku itu akan dapat disiapkan oleh Jabatan ini dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Pengerusi, bercakap mengenai ucapan-ucapan yang berupa lidah pendita, kata-kata hikmat atau apa-apa sahaja nama yang boleh diberi supaya padan dan sesuai dengan bentuk dan keadaan sesuatu ucapan itu yang ditutur atau dilafadzkan oleh para ulama, pujangga, maha guru atau pemimpin-pemimpin seperti Allahyarham Tun Dr Ismail itu, maka teringatlah saya kepada beberapa orang tokoh lain yang terkenal yang sama nasibnya dengan nasib Allahyarham Tun Dr Ismail itu yang telah kembali menemui Tuhan Rabul-Jalil, yang

saya kira semasa hayatnya mereka itu ataupun tokoh-tokoh itu telah banyak mengukir atau melafadzkan ucapan-ucapan yang bergeliga dan berhikmat. Tokoh-tokoh ini termasuklah tokoh-tokoh politik dan juga tokoh-tokoh pendidik.

Saya berpendapat sekiranya pihak Jabatan ini bersetuju, maka dalam usaha mengumpulkan ucapan-ucapan Allahyarham Tun Dr Ismail itu dan menjadikan dalam bentuk buku, maka ucapan tokoh-tokoh seperti yang saya sebutkan itu patutlah juga dikumpul sama, mudah-mudahan buku-buku yang mengandungi ucapan berkhidmat oleh tokoh-tokoh kebangsaan kita akan dapat diperbanyakkan dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, tokoh yang saya maksudkan itu termasuklah Allahyarham Encik Aminuddin Baki dan Dr Ungku Umar yang tidak asing lagi bagi kita dan bagi sesiapa yang mengikuti sejarah dan riwayat hidup kedua-dua Allahyarham itu. Manakala ucapan-ucapan tokoh-tokoh lain, lebih-lebih lagi tokoh-tokoh politik bolehlah diperimbangkan oleh jawatankuasa bagi Jabatan ini.

Tuan Pengerusi, menyentuh Anggaran Belanjawan, 1975 Kepala Bekalan 15 (ii) Seminar. Jabatan ini telah membahagikan kepada tiga bahagian kecil iaitu:

- (a) Seminar Antarabangsa;
- (b) Seminar-seminar Perlaksanaan Dasar-dasar dan Strateji-strateji Pembangunan; dan
- (c) Seminar Desa.

Seminar-seminar Perlaksanaan Dasar-dasar dan Strateji-strateji Pembangunan amat mustahak sekali diadakan dengan kerap kali, kerana dengan mengetahui atau memahami benar-benar perlaksanaan dasar-dasar Kerajaan, polisi-polisi Kerajaan sekarang dan strateji-strateji pembangunan di Malaysia sahaja akan dapat menjamin sesuatu keadaan puashati di kalangan seluruh rakyat dalam negara ini, akan menjamin suasana tenang dan harmoni dalam negara terutama di antara rakyat dengan pemerintah, antara jentera pemerintah dengan pemerintah dan di antara rakyat dengan jentera-jentera pemerintah. Dengan memahami perlaksanaan dasar-dasar Kerajaan dan strateji-strateji pembangunan ini sahaja akan tidak berlaku lagi

propaganda-propaganda murah yang dijalankan oleh orang-orang yang tertentu, oleh kumpulan-kumpulan yang tertentu dalam usaha menghasut, meracuni fikiran penduduk-penduduk luar bandar khususnya di saat negara mengalami keadaan inflasi sekarang, kecuali propaganda-propaganda itu dijalankan oleh segelintir manusia sahaja.

Tuan Pengerusi, saya berkata begitu kerana kita semua maklum bahawa manusia tidak akan bertindak atau maklum balas (kata Yang Berhormat Menteri berkenaan) dengan baik terhadap mana-mana idea melainkan jika mereka faham, dan umum mengetahui bahawa rakyat Malaysia tidak dijangka boleh memahami objektif-objektif dan aspirasi-aspirasi negara dan bertindak sewajarnya melainkan jika mereka benar-benar difahamkan. Masaalah yang ada dihadapan kita sekarang ialah bagaimana hendak menjadikan perhubungan awam lebih berkesan supaya dasar-dasar dan tindakan-tindakan Kerajaan difahami sungguh-sungguh, difahami betul-betul dan diterima baik oleh semua orang terutama sekali rakyat dan sektor swasta. Oleh yang demikian, rancangan pembangunan ini, cadangan Jabatan Pengajian Pembangunan Malaysia untuk mengadakan sebanyak 20 seminar di seluruh Semenanjung Malaysia pada tahun 1975 akan datang sewajarnya diberi pujian dan disambut baik. Saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya pengelola rancangan seminar ini hendaklah menimbangkan dengan semasak-masaknya keahlian seminar atau peserta-peserta seminar itu nanti supaya tujuan seminar itu akan tercapai seperti yang dicadangkan ataupun seperti yang dijadualkan. Saya mengesyorkan juga supaya pusat-pusat cawangan yang ada sekarang seperti di Pulau Pinang, Kota Bharu, Kuala Lumpur, Kuantan, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu itu hendaklah ditambah tiga lagi di pantai barat iaitu di Alor Setar, Ipoh dan Seremban supaya semua negeri-negeri mempunyai pusat cawangannya masing-masing.

Tuan Pengerusi, kepada Kerajaan saya meminta sedaya upaya di samping mengemukakan ataupun menyampaikan dasar-dasar Kerajaan melalui seminar-seminar yang tersebut, jangan lupa diselitkan konsep-konsep Dakwah Islamiah, akidah atau pegangan-pegangan Islamiah sesuai dengan Islam ugama negara. Dengan melalui

fahaman-fahaman dan akidah-akidah seperti ini, maka tidak syak lagi bahawa usaha Kerajaan hendak menjamin suasana tentang dalam negara Insyallah akan terlaksana.

Saya pergi kepada perkara penyelidikan. Penyelidikan atau kajian yang mendalam dan teliti, mengenai penyertaan bumiputra dalam bidang perniagaan ini hendaklah diutamakan, kerana garis atau ukuran yang menjadi sebahagian dari dasar Kerajaan iaitu sekurang-kurangnya 30% dari bumiputra hendaklah berkecimpung ataupun mengambil bahagian sama atau menjadi peserta di dalam bidang perniagaan dalam tempoh 20 tahun tidak boleh ditawarkan lagi, tidak boleh ditolak ansur lagi. Jadi kalaulah kajian ini silap, kalau kajian ini tidak dapat bertanggungjawab dengan betul-betul, maka semangat Kerajaan seperti yang digariskan itu tidak akan tercapai. Rakyat mahu melihat tanda-tanda yang jelas, rakyat mahu melihat tanda-tanda yang boleh dipegang sebab itu badan ini atau Jabatan ini melalui aktiviti-aktiviti penyelidikan ini boleh menggerakkan Kerajaan, boleh menggerakkan pihak-pihak yang tertentu dalam mencapai matlamat penyertaan bumiputra dalam bidang perniagaan itu. Kajian ini akan meliputi segala segi penyertaan, baik dalam masaalah-masaalah yang menghalang penyertaan bumiputra dalam perniagaan dan masaalah-masaalah yang mewujudkan penyertaan-penyertaan bumiputra dalam bidang perniagaan termasuklah strategi bagi menambatkan dari kesan penyertaan tersebut.

Saya menyokong penuh anggaran Kementerian ini sebagaimana yang diminta oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

3.09 ptg.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Pengerusi, ingin saya bercakap di bawah Kepala Bekalan 13, 14 dan 15. Kalau rakyat di Baling dalam perhimpunan-perhimpunan yang telah diadakan beberapa kali di masa-masa yang akhir ini menyatakan hasrat supaya satu perubahan dibuat untuk memberi peluang kepada mereka mencari kehidupan yang lebih baik, seperti desakan-desakan yang telah dimajukan iaitu pembukaan tanah, pembukaan banyak lagi rancangan-rancangan kecil ekonomi yang berasaskan kepada hasil-hasil tempatan yang membolehkan tenaga belia mengambil

bahagian dan mendatangkan sumber ekonomi kepada mereka dan dapat memuaskan hidup, apa salahnya kalau pembelaan kerbau dan lembu dibahagikan kepada setiap kampung di mana ramai pemuda-pemuda atau belia-belia diasuh secara moden dalam pembelaan kerbau dan lembu yang juga boleh menghasilkan susu dan daging. Cara yang dibuat sekarang ini terlalu lambat, kerana dalam satu-satu daerah hanya dibahagikan beberapa ekor sahaja dan pembahagian ini tidak mendatangkan ekonomi langsung.

Kalau rakyat di Baling menyatakan desakan mereka berkehendakan kepada tanah dibuka dengan lebih banyak supaya pemuda-pemuda akan mendapat peluang bekerja maka sudah sepatutnya Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi yang mempunyai pakar-pakar yang handal dalam hal ehwal ekonomi akan menitikberatkan.

Saya percaya Bahagian Perancang Ekonomi ini telah salah menasihatkan Kerajaan untuk hanya menumpukan sekian banyak perusahaan seperti kilang-kilang hanya ditumpukan di bandar-bandar besar sahaja. Bahagian Perancang Ekonomi ini harus bukan sahaja memikirkan perkara-perkara yang besar iaitu penanaman modal yang besar, tetapi hendaklah memperimbangkan pembangunan keseluruh negara supaya tidak akan membangkitkan perkara yang menimbulkan masalah sosio-ekonomi dan lain-lain. Perusahaan-perusahaan baru seperti kilang-kilang hendaklah dibuka atau hendak didirikan itu patut sekali diberi perhatian supaya banyak bumiputra khasnya penduduk luar bandar mengambil bahagian atau bekerja. Mana-mana perusahaan yang tidak mengikut syarat atau tidak dapat menolong rakyat mendapatkan kerja hendaklah ditutup dan jangan dibenarkan kajian semula oleh Bahagian Perancang Ekonomi, ini patut dibuat dengan segera sesuai dengan slogan action-oriented. Selagi keadaan ini tidak diubah atau digubal semula dan selagi perusahaan-perusahaan yang ditarik masuk ke dalam tanahair kita ini hanya terdapat di kota-kota besar sahaja, maka selama itulah rakyat akan menuduh bahawa Kerajaan kita hari ini adalah di bawah telunjuk kapitalis-kapitalis yang hanya datang untuk membongkar kekayaan negara ini untuk dibawa pulang, hasil daripada itu rakyat akan

menjadi papa dan miskin. Ini adalah suara pekikan-pekikan yang terdapat di seluruh tanahair kita pada hari ini oleh pelajar-pelajar yang membangun pada hari ini. Saya telah berkata dalam hal ini berkali-kali di masa yang lampau.

Bercakap berkenaan perkara pembukaan tanah iaitu satu perkara yang dibincangkan oleh penunjuk-penunjuk perasaan di Baling kali-kali yang akhir ini dengan Yang Berhormat Menteri yang datang ke tempat saya, saya berharap satu tindakan segera dan tegas diambil. Saya meminta satu koordinasi yang tegas dapat dibuat oleh Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri. Soal tanah ialah hak kekuasaan Kerajaan-kerajaan Negeri menurut perlembagaan masing-masing. Cara-cara pembahagian tanah dibuat dengan peraturan-peraturan Kerajaan Negeri masing-masing, kerana itu kedapatan hal-hal pembahagian ataupun perusahaan tanah ini berbeza-beza di antara satu negeri dengan satu negeri lain. Negeri ini dapat memajukan tanah dengan luas dan banyak, negeri itu lambat dan mundur. Keadaan tidak sekata dalam negara kita pada hari ini. Ada Kerajaan-kerajaan Negeri yang mempunyai wang yang banyak dapat menggunakan sepenuh tenaga untuk membuka tanah-tanah yang luas kepada rakyat, dan ada Negeri yang tidak punya wang yang cukup untuk merancang dan melaksanakan kehendak pembukaan tanah ini. Saya katakan bahawa sudah sampai masanya hari ini Kerajaan Pusat yang ada mempunyai satu Kementerian khas, perkara ini dapat difikirkan semula adakah dasar secara lama yang diwarisi daripada penjajah itu sesuai dan secocok dengan zaman perubahan ini dan patut mengambil alih perkara tanah untuk ditadbirkan daripada Kuala Lumpur.

Beratus-ratus ribu ekar tanah yang subur dan layak dijadikan tanah pertanian kedapatan di sepanjang jalan lebuhraya Timur-Barat. Kalau Kerajaan pada hari ini tidak bertindak segera, saya yakin dan percaya bahawa tanah-tanah ini kelak akan dibahagikan kepada pemohon-pemohon yang terdiri daripada kapitalis-kapitalis yang kononnya hendak membuka perusahaan perladangan secara besar-besaran. Pembahagian ini tetap akan terjadi iaitu menerusi saluran-saluran yang tertentu yang tidak patut saya sebutkan di sini. Kalau tanah-tanah ini dibahagikan kepada pemodal-pemodal tersebut

yang hari ini berkulum liur menanti masa akan menggunakan seribu helah dengan wang dan lain-lain untuk mendapatkannya, rakyat yang haus kepada tanah yang berteriak laparkan tanah akan merasai hampa lagi sekali. Beratus-ratus ribu ekar tanah yang tercinta itu boleh mengisi beribu-ribu belia kita yang boleh dilatih untuk menjadi petani-petani yang mempunyai potential di masa hadapan. Crash programme yang kelak patut dan akan dibuat oleh Kerajaan bukan sahaja untuk hanya hendak membeli secara langsung getah-getah daripada rakyat oleh Kerajaan kita, tetapi juga hendaklah meliputi perkara-perkara perusahaan lain. Satu daripadanya ialah pembukaan tanah seperti di atas. Perkara ini saya minta perhatian berat daripada Kementerian yang menjalankan perancangan yang kita bahaskan pada hari ini.

Saya berseru kepada Kerajaan menggunakan segala kekuatan tenaga, kewangan dan pemikiran untuk menjadikan kawasan utara Malaysia yang kaya raya dengan tanah yang subur itu satu kawasan pembukaan tanah yang secara besar-besaran pernah dibuat di seluruh Tenggara Asia ini. Dengan tindakan demikian kelak akan menjadi suatu cabaran kepada anak-anak atau pelajar-pelajar atau penuntut-penuntut kita yang berteriak supaya sesuatu perubahan yang baik dibuat di dalam negara kita ini, iaitu kesanggupan mereka bersama-sama dengan Kerajaan di dalam pembukaan tanah ini. Adakah pula penuntut-penuntut atau pelajar-pelajar daripada pusat pengajian tinggi di bidang pertanian ingin menerjunksan diri menjadi petani-petani baru, membuka ladang secara baru? Ini kelak akan dijawab oleh mereka sendiri. Kalau soal tanah ini tidak diatasi dengan cepat dan segera harus akan berbangkit pula issue baru yang tidak puas hati terhadap dasar Kerajaan hari ini. Soal yang dikatakan oleh penuntut-penuntut atau penunjuk-penunjuk perasaan berkenaan dengan tindakan yang dibuat oleh Kerajaan khususnya Perdana Menteri yang kita kasehi itu mungkin ada yang terkeluar daripada landasan.

Saya dan rakyat umum tetap menaruh dan meletakkan kepercayaan kepada pemimpin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memberi sepenuh fikiran dan tenaga beliau sejak permulaan gerakan pembangunan luar bandar hingga pembangunan ekonomi baru ini. Kalau ada tuduhan-tuduhan bahawa Kerajaan hari ini, khususnya Menteri-menteri kita adalah daripada

golongan yang korapsi, maka ini adalah tuduhan yang melulu. Kejadian-kejadian tunjuk perasaan hari ini memberi satu inspirasi lagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri-menteri kita bagi menjalankan tugas dan kewajipan masing-masing dengan cukup bersih, ikhlas dan berani semata-mata untuk kebajikan rakyat. Kita berharap Kerajaan kita tidak akan tunduk kepada mana-mana ugutan daripada mana-mana pihak pun dan akan meneruskan rancangan yang telah diatur itu.

Kita tahu ada pihak-pihak tertentu yang ingin hendak melihat melapetaka tercetus di dalam negara ini dan akan membuat tekanan kepada Kerajaan. Di sinilah Kerajaan patut berdiri tegas menyatakan kesanggupan untuk mententeramkan dan mengekalkan keamanan supaya rakyat dapat menghirup udara yang damai, Kerajaan mempunyai tugas melindungi seluruh rakyat yang cintakan keamanan dan perdamaian.

Akhirnya, saya berseru kepada Kementerian Perancangan Am dan Sosio-ekonomi ini patut mengadakan satu kajian ulangan di atas Badan-badan Berkanun seperti MARA, FIDA, UDA, FELDA dan FIMA dan lain-lain supaya kesemua badan-badan ini bergerak selaras dengan semboyan action-oriented dan menuju kepada satu matlamat iaitu mengisi hasrat rakyat yang ingin kepada satu penghidupan yang bertaraf lebih baik lagi.

Saya syorkan di sini supaya regional development untuk Negeri Kedah dapat diambil alih oleh Kerajaan Pusat supaya dapat rakyat Kedah merasai pembangunan sosio-ekonomi dengan segera. Hanya menerusi secara regional development ini sahaja yang Kedah dapat mengubah nasib rakyat dan begitu juga nasib rakyat Baling khususnya yang saya wakili.

3.08 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyentuh Kepala B. 13 berkenaan dengan Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi yang mendapat peruntukan berjumlah sebanyak \$516,535 mengikut anggaran yang dibentangkan dihadapan kita sekarang.

Tuan Pengerusi, mengikut Buku Anggaran Belanjawan, tujuan menubuhkan Kementerian ini adalah supaya Kerajaan disediakan

dengan satu agensi perancangan am untuk membolehkan pandangan menyeluruh yang amat berguna berhubung dengan berbagai-bagai Kementerian dan Jabatan supaya Kerajaan dapat diberi penilaian yang objektif mengenai issue tertentu yang timbul.

Tuan Pengerusi, saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, the Treasury's Yellow Book has briefly explained that the overall concept of establishing this Ministry is to provide the Government with a general planning agency aimed at helping the Government to formulate policies on all specific issues after having obtained an overall view in relation to the various Ministries and Departments. The Yellow Book further states that this Ministry wants to ensure that all national development programmes must be designed to bring the maximum socio-economic benefits to a cross-section of our society.

Tuan Pengerusi, the importance and significance of this Ministry is obvious and manifest. This allocation of \$516,535 which is asked for will, however, only be meaningful and serve its purpose provided this Ministry is truly able to help the Government to plan and evolve policies effective enough to grapple with our country's socio-economic ills and provide the panacea to overcome these ills. Our country is today plagued with a host of socio-economic problems which require to be studied into in detail, particularly in regard to their causes, before steps can be taken to combat and effectively overcome them. In short, research has got to be carried out on each problem, knowing its real causes before recommending solutions to overcome it.

Tuan Pengerusi, one of the biggest socio-economic problems facing us today, as I see it, particularly in the Wilayah Persekutuan, is the squatter problem. In Kuala Lumpur today, there still exists about 250,000 squatters, the majority of whom are poor and have to depend on their existing squatting accommodation for a living. Judging from the way the squatters in Kuala Lumpur are evicted and resettled by Dewan Bandaraya, it would appear that the Government had not carried out any socio-economic study into the plight of these squatters for the objective

of providing a truly just and humane solution to the squatter problem.

I say this, Tuan Pengerusi, because the authorities concerned appear to be only interested in resettling existing squatters in low-cost flats as alternative accommodation but without showing any concern with regard to the livelihood of the squatters concerned.

Tuan Pengerusi, as I said earlier, the majority of our squatters in Kuala Lumpur and in Wilayah Persekutuan depend on their squatting accommodation for a living. For example, the squatter hut which they live in is used as some kind of workplace for domestic goods or handicraft, carpentry etc., where the whole family is engaged in for a living. Or in other cases, squatters depend on their piece or small plot of land in front of their houses to produce greens or rear poultry for local consumption. Tuan Pengerusi, this kind of self-employment is very important during this period of stagflasi.

However, it is a matter of deep regret that when these squatters are evicted by Dewan Bandaraya they are only resettled in low-cost flats for accommodation but without any solution meted out to solve their problem of livelihood.

Tuan Pengerusi, if at all there had been a thorough socio-economic study into the plight of these squatters and plans worked out to meet their actual needs, then the authorities concerned would have resettled squatters in Kuala Lumpur in accordance with the needs, requirements and aspirations of these squatters. Those who desire flats should be given flats and those who have to depend on land for a living should be allotted land.

In the light of the above, I therefore recommend to the Minister concerned to begin a thorough socio-economic study into the hardship and plight of these squatters in Kuala Lumpur and the Federal Territory before taking any drastic action to evict them on the grounds of urban renewal. This Ministry should plan out a just, humane and socio-economic solution for Dewan Bandaraya to carry out in tackling the squatters problem.

Tuan Pengerusi, another major socio-economic problem in Kuala Lumpur today

which requires a truly just, humane and socio-economic solution is the hawker problem. Hawking is a way of life in this part of the world and especially in our Federal Capital of Kuala Lumpur. It always appears to me that despite our Prime Minister's call to liberalise hawking to help minimise the acute unemployment problem, our local authority does not seem to be too "liberal" on the issue of hawking licences. Hawkers or petty traders who want to apply for licences to trade at certain specific places are always turned down on the excuse that they cause traffic obstruction or a hazard to traffic even though they are not. But despite this, trading is still carried out, though illegally, for the sake of making a living. Tuan Pengerusi, I would like to propose to the Ministry concerned to carry out a study into this "conflict" and see in what way the problem can be overcome.

Tuan Pengerusi, the incidence and rate of crime in our country is quite high. If we browse through the daily papers, we see reports of crime being committed. Every time, a crime is committed, the result appears to be only action taken by the police to track down the culprits to bring justice to the victims. Tuan Pengerusi, although I do not condone any form of crime, I am however compelled to ask as to whether such drastic counter action will really help to solve what is essentially a socio-economic problem. We must ask ourselves, "Why do people rob? Why do they steal? Why do they commit crime? Do they do it for the pleasure of doing it? Or is it because of no other means of surviving and no means of getting employment although they are prepared to slog for it?" Tuan Pengerusi, it is my view that crime should not be tackled only by counter drastic action which I mentioned earlier. But what is more important, and this is the crux of the whole issue, we must find out the real causes of people having to commit crime. This is where I feel that this Ministry has an important job to do to find out the causes of crime and pave the way for a long-term socio-economic solution to the problem.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada Biro Pengaduan Awam yang ditubuhkan di bawah Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, very little is known of the Public Complaints Bureau since it was first

formed. The reason is because there is insufficient publicity given to the role of the Bureau and its actual responsibilities. Even for those who are aware of the Bureau's activities, they tend to refer complaints which are irrelevant to the Bureau. There was a recent case which was brought to my attention where a complainant referred an insurance problem to the Bureau. Obviously, the Bureau was unable to act on this complaint which should have been referred to the insurance company concerned.

To overcome problems of such nature, Tuan Pengerusi, I would like to propose that the Ministry concerned should take steps to fully publicise the actual responsibilities of the Bureau to the public, so that the public would know what kind of complaints should go to the Bureau for their action and not waste time on irrelevant matters.

Secondly, more offices of the Bureau should be set up in various parts of the country, especially in big cities like Kuala Lumpur which are heavily populated and where complaints on governmental matters are rampant. With more offices set up in the city and their addresses announced, the public would know exactly where to make their complaints or make inquiries. At the moment, the main office of the Bureau is housed within the Prime Minister's Department, making it inconvenient for the public to have access.

Thirdly, I like to propose that the Bureau should be adequately staffed to cope with the needs of the public.

Lastly, I would also suggest that all newly-elected M.P.s and State Assemblymen should be invited to serve on the Public Complaints Bureau and make it truly effective and meaningful.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin sentuh kepada Kepala B. 14—Jabatan Perangkaan. Jabatan Perangkaan ialah suatu Jabatan yang mustahak di negara kita oleh sebab Jabatan ini mempunyai tanggungjawab untuk memungut, menyusun dan menerbitkan maklumat perangkaan yang dikehendaki untuk tujuan perancangan.

In view of the increased allocation that this Ministry is asking for the Jabatan Perangkaan for 1975, I would like to suggest here that this Department should intensify its

efforts to bring as up to date as possible all information and data regarding population census, household survey, manpower survey, etc. which are so urgently required for planning needs in our country.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada Kepala B. 15 Jabatan Pengkajian Pembangunan Malaysia.

Tuan Pengerusi, in regard to the Department of Malaysian Development Studies, I would like to propose that this Department should organise more forums and seminars where subjects pertaining to national and socio-economic development can be fully discussed in order to arrive at some kind of consensus which can be adopted. In this connection, I wish to state that such forums should be participated not only by personalities from the ruling elite but also by independent persons who are qualified to talk on such subjects, as well as leaders of the Opposition. This is essential because the Opposition is in the best position to provide an effective feedback on public response and reaction to the Government's socio-economic policies and actions.

Tuan Pengerusi, on this same Department, I would also like to suggest here that it should keep all M.P.s informed about its activities. In this connection, I call on the Department to put all M.P.s on the mailing list of its various publications.

Yang akhir, Tuan Pengerusi, I wish to point out here in this august House that my party attaches great importance to this Ministry because upon the efforts of this Ministry will decide how we are to tackle all the socio-economic problems of our country and pave the way towards the achievement of national unity. To my mind, there is no better way for the Ministry to achieve its objective than for it to have an effective feedback system on public response to Government's policies and actions. Sometime ago, even our Prime Minister had emphasised on the need to have an effective feedback system. He added that "when billions of dollars of public money are being spent and the future of Malaysians is at stake, we cannot afford to play a guessing game on our performances in the implementation of the New Economic Policy."

In view of the above, I would therefore like to make the following proposals which

could help the Ministry and the Government to help plan its programmes in accordance to the socio-economic needs of the rakyat:

- (1) Have an effective feedback system to the Government's socio-economic policies by listening, accepting and implementing constructive proposals made by the people's elected representatives from the Opposition in matters concerning the socio-economic well-being of the rakyat.
- (2) Democratised all aspects of Malaysian life so that the ordinary citizen is prepared to speak his mind openly and frankly on all the socio-economic problems of our country.
- (3) Include in all Government's Advisory Bodies whether at the Federal, State or local levels, people's elected representatives from the Opposition who can contribute constructive proposals and provide an effective feedback.

3.30 ptg.

Tuan Patrick Anek Uren (Bau-Lundu):

Tuan Pengerusi, saya berdiri hendak bercakap di bawah Kepala B. 13, B. 14 dan B. 15 iaitu peruntukan Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi.

Tuan Pengerusi, telah sudah saya lihat dari cadangan Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, saya mulanya merasa bangga kerana membaca tujuan-tujuan Kementerian ini ada baik iaitu dari muka 95 Buku Anggaran Belanja 1975 didapati tujuan yang berikut. Dengan izin saya minta membacanya yakni:

"Rancangan-rancangan dan jadual-jadual pembangunan Kerajaan hendaklah disusun dan dirangka untuk memastikan ujudnya faedah-faedah sosio-ekonomi yang maksima dan menentukan ianya dinikmati oleh segenap lapisan rakyat."

Ini, "segenap lapisan masyarakat" with emphasis. Dan pagi ini dan kelmarin kita telah mendengar Menteri yang berkenaan menjelaskan tujuan-tujuan dan dasar Menteriannya mengenai penyelidikan untuk memberi maklum balas (feedback information) kepada pembuat dasar dan memberi pandangan balas kepada Kerajaan. Penyelidikan mengenai badan-badan berkanun untuk mengkaji their performance effectiveness mengikuti perkataan di buku tersebut

(buku Anggaran Belanjawan 1975) Kementerian ini juga ada antara lain bertujuan untuk mengkaji penyertaan bumiputra dalam bidang perniagaan dan lain-lain perusahaan.

Tuan Pengerusi, saya kata adalah saya ini berasa bangsa mula-mulanya, kerana tujuan-tujuan begitu adalah penting sekiranya negara kita ini ingin mencapai kejayaan dalam semua bidang pelaksanaan berasaskan kepada Rukunegara dan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Tetapi bila saya membaca lebih mendalam dan melihat peruntukan-peruntukan di bawah Kepala-kepala tertentu, saya sudah berasa curious bagaimanakah Kementerian ini akan mencapai kejayaannya. Nampaknya, Jabatan Perangkaan iaitu satu Jabatan dipaksa jadi satu channel menerusi mana maklumat dapat diadakan diberi kepada agensi-agensi Kerajaan yang dapat digunakannya. Jabatan Perangkaan memang sudah jadi tradisi berbuat demikian dari masa Jabatan ini masih di bawah Kementerian yang lain dahulu, tetapi kini hanya satu sahaja berlainannya iaitu peruntukan tahun ini ada yang lebih daripada tahun 1974. Yang saya takutkan ialah dengan penubuhan Kementerian ini nanti akan timbul masalaah iaitu artificial shortage of qualified personnel, yang kedua the effectiveness and the possibility of duplication of functions.

(Dengan izin) Tuan Pengerusi, when talking about research, a very good research before any plan is being launched, it is one kind of thing where feedback is sought in advance before the launching of any project and here I pose a question as to whether the Ministry will have or already have recruited the required personnel who are well acquainted with the socio-economic ills and the social science of this country. This is very important if we have to put research in the right method and techniques to bring about a complete and proper picture based on realities on the field.

Tuan Pengerusi, if this is not the case, jikalau orang yang berpengalaman dan pakar tidak ada, the people would tend to think adakah Kementerian ini ditubuhkan hanya untuk memberi peluang pekerjaan sahaja. Menteri yang berkenaan telah berkata di Dewan ini bahawa penyelidikan dan kajian akan dibuat sama dengan agensi-agensi Kerajaan seperti E.P.U. dan sebagainya.

Di muka 99 Buku Anggaran Belanjawan, 1975 dapat kita lihat susunan tujuan Jabatan Perangkaan ialah susunan seperti yang kita sudah lama dengar dan tahu memang satu perbuatan Jabatan tersebut. Saya bukan berkata di sini bahawa pekerjaan Jabatan Perangkaan ini tidak berjaya, tetapi mengikut pembangunan negara kita sekarang ini yang tidak begitu seimbang dengan aspirasi rakyat, saya bertanya adakah maklumat-maklumat, maklum balas dan pandangan balas yang sudah diberi kepada agensi-agensi Kerajaan dahulu dan diberi juga kepada orang yang mendasar, mengukuh dan menyusun projek pembangunan; adakah maklumat ini tidak betul ataupun dalam bahasa Inggeris all already doctored before submission. Ini boleh jadi supaya apa yang nampak dipandang memuaskan kelihatan.

Saya membuat soalan ini kerana saya lihat di rancangan yang sudah dirancang dan dari kelihatan saya, saya faham and I feel that our priority has not been put right, kerana priority negara kita sudah terbalik, ini sudah menimbulkan atau mengakibatkan masalaah yang besar bertambah sekarang ini dengan negara kita sedang menghadapi stagfasi dan recession di serata dunia. Saya percaya jikalau negara kita melancarkan projek-projek yang bertujuan kepada menghapuskan kemiskinan di luar bandar sebelum membina projek-projek white elephant ataupun projek yang cantik yang menelan belanja berjuta-juta ringgit, saya faham negara kita sekarang negara yang mempunyai tanah yang luas dan rakyat di sini tidak begitu banyak, saya fikir kita sudah berjaya. Tetapi yang nampak sekarang masalaah lebih lagi besar daripada yang dahulu. Kalau kita sudah membuat rancangan untuk mengeluarkan bahan-bahan makanan dahulu, negara kita sekarang tidak akan terus terlibat oleh kemerosotan ekonomi se dunia.

Saya menyentuh kepada satu akhbar *Malay Mail* Friday 22hb November, 1974 regarding a statement made by one Dr Mohd. Tajuddin bin Mohd. Jalil, Director of Research Division of Urban Development Authority, where he said, and I quote:

"The present urbanisation process has given rise to racial imbalance in employment and property ownership in urban

areas. For example, each owner is developing his plot according to his design primarily based on his economic capacity and his consultant's aesthetic values."

This is a case where, as I said, priority has not been put right. It is a case where the priority has been concentrated in urban areas resulting in more problems arising from the same project we implement.

Di negeri Sarawak rancangan Kerajaan untuk membangunkan negeri itu berasas kepada Dasar Ekonomi Baru dan Rukunegara tidak memuaskan Projek-projek yang dilancarkan di negeri Sarawak hanya menimbulkan satu masalah yang baru iaitu masalah perasaan. Banyak golongan-golongan, pihak dan kaum yang sudah merasa tidak puashati. Bukan sahaja rakyat itu merasa ketinggalan, tetapi mengikut perbelanjaan Kerajaan yang besar dan berlebihan yang tidak membawa faedah ekonomi to generate economic growth—yang sesuai dengan kehendak rakyat di sana bahawa negeri itu sudah membuang perbelanjaan yang besar dan hanya merugikan.

Saya menyentuh kepada pembangunan-pembangunan seperti pembangunan Dewan Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak di Kuching yang dibina dengan ongkos lebih kurang \$3,000,000. Saya menyentuh juga kepada perbelanjaan Hari Kebangsaan Malaysia Sepuluh Tahun di Sarawak yang melebihi daripada capacity to spend. Saya bukan menyentuh untuk mendakwa Kementerian ini tidak dapat menjalankan pekerjaannya atau tujuan-tujuannya, tetapi Parti SNAP fikir Kementerian ini banyak tugasnya yang perlu, yang penting jikalau Kerajaan dapat mencapai atau hendak mencapai kejayaan yang dipersetujui. Tugasnya ialah penyiasatan, penyelidikan dan kajian supaya apa-apa rancangan yang dilancarkan akan memberi faedah. Kementerian ini dipersetujukan supaya mengambil data dan memberi data ini dan faktor-faktor daripada rakyat yang merupakan perasaan rakyat. Kalau dengan perbuatan begitu hanya rancangan pembangunan kita dapat dilancarkan terus berjaya dan di samping itu semua rakyat Malaysia dapat merasai faedah kemerdekaan.

Saya mencadangkan supaya Kementerian ini menubuhkan satu cawangan khas di Sarawak untuk menyelidik dan mengkaji masalah yang begitu kompleks di Negeri

Sarawak. Yang Berhormat Menteri itu datang dari Negeri Sarawak juga dan saya yakin beliau lebih tahu daripada saya dengan pengalaman beliau yang banyak tahunnya, bagaimana kompleks masalah di Sarawak, kerana the problems are faced not only by the Government but by the people.

So, this is a case where I hope the Minister concerned will put in more blueprints which will present the real needs, the requirements, of the people and not to base the implementation of Government policies, which are so designed to benefit everybody, on political considerations and the like. It is very important, Mr Chairman, Sir, if I may state here, that in a growing country like ours, especially in the State of Sarawak, which is the new State in the Federation of Malaysia, it is very important to imbibe in the people the feeling of consciousness and the sense of belonging to one family, one Malaysian society. Along this line, efforts should be directed at not depriving but rather at collecting and gathering everybody under one "mother hen".

Saya memohon juga kepada Menteri yang berkenaan supaya beliau melancarkan kajian di mana-mana perlaksanaan yang bertujuan untuk correcting imbalances between the races, between urban and rural people. Saya mohon juga dengan adanya Kementerian ini supaya Menteri yang berkenaan membuat kajian kepada badan-badan berkanun di Negeri Sarawak seperti S.E.D.C. dan anak-anak badannya itu supaya the output of those companies which are designed to benefit the less fortunate people should represent the input.

It is very important, Mr Chairman, Sir—without referring to what cases have been, but it is my personal observation—that any input must come about with a greater result and with profit motivation. So, before we launch any project, especially within the Sarawak context, we must find out what will happen and whether it is feasible to have a very nice shop in an area where people do not buy nice things; for instance, probably it will be more feasible to have a very nice shop in an area where people do not already have the facility of a good shop or in an area where entirely the trade is dominated by one group or another. This can be a case or a stimulus for breaking into a monopoly area rather than competing into what has been a traditional area.

Tuan Pengerusi, Jabatan-jabatan dan Badan-badan Berkanun, saya percaya bukan ditubuhkan sah untuk hanya memberi peluang pekerjaan sahaja, bukan untuk menambahkan jawatan-jawatan sahaja, tetapi as I have said earlier, we must be profit-motivated, profit conscious. Sebagai seorang bumiputra yang lahir dari luar bandar di Negeri Sarawak, kawasan saya Bau-Lundu memang one of the farthest areas in Sarawak and if I were to go into the interior part of my constituency, I have to walk about five or six hours to reach there.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

This is a question of how we should implement the Government projects, Government policies, Dasar Ekonomi Baru, which have been aimed at correcting imbalances between races and between the urban and the rural populations and to narrow the gap between the poor and the rich. This is a very good policy and I, as a bumiputra, am wanting to see the success of the implementation of these very good policies. And I hope that any implementation of projects shall go on the basis of the real need, dengan kehendak masyarakat bukan dari segi political affiliation or latar belakang. If we have this, then I think there is nothing to fear because when all is well, come rain come shine, we will stand fit and sound.

Saya percaya dengan adanya Kementerian ini, there will be a proper research and proper feasibility studies into a job before that job is being launched. Maybe, I would suggest here that emphasis should now be shifted not only to the near urban areas but to far remote areas where there is a genuine need for the people to be exposed to development, where there is a genuine need for the people to feel that they are part and parcel of the society. I maintain and I maintain it with much consideration, that development in urban areas, as has been quoted by me earlier—the case mentioned by Dr Mohd. Tajudin bin Mohd. Jalil, Director of Research Division—must be based on right priorities. This is a case where probably the priority was not right and hence it tends to create more divisions and lead to widening the gap more between the rich and the poor, thereby instead of giving to the bumiputras, it may be losing to the bumiputras.

Mr Chairman, Sir, in principle, I am very happy with the establishment of this Ministry and furthermore with the Minister himself being a Malaysian Sarawakian. I am really proud that he has the experience and knowledge about the Sarawak scene and I hope he will work and put research into more constructive views that can be used and based for future development, so that Sarawak will also progress along with the overall progress of Malaysia.

3.50 ptg.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed (Arau): Tuan Pengerusi, jika dipandang kepada tugas Kementerian ini yang melibatkan keseluruhan Kementerian-kementerian dan yang akan menentukan kejayaan rancangan-rancangan Kerajaan maka memang sewajarnya anggaran yang telah diperuntukkan kepada Kementerian ini sebanyak \$12,357,635 disokong dan dengan sebab itu maka pendirian saya adalah menyokong di atas anggaran yang telah diperuntukkan itu.

Di dalam membincangkan berkenaan dengan Anggaran Perbelanjaan di bawah Kepala B. 14 yang mana di dalam Kepala itu, Kementerian ini bertujuan memberi had maksima supaya dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk di dalam negeri ini dari segi kemewahan-kemewahan yang diperolehi. Saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini berhubung dengan Kementerian yang berkenaan, terutama sekali ialah masalaah-masalaah tempatan di tempat saya. Negeri Perlis adalah sebuah negeri yang kecil yang luas tidak lebih daripada 316 persegi batu, tetapi penduduk-penduduknya adalah 150,000 lebih. Jika dibandingkan dengan keluasan tanah dan kesuburan tanah serta nisbah yang begitu tinggi penduduk-penduduknya, maka saya berharap kepada Kementerian ini menumpukan perhatian di dalam masalaah ini supaya had maksima daripada kekayaan negara ini dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk di dalam Negeri Perlis.

Penduduk-penduduk di Negeri Perlis adalah terdiri daripada penduduk-penduduk luar bandar yang mana ekonomi mereka adalah terdedah kepada keadaan cuaca dan iklim. Mereka terdiri daripada penduduk-penduduk yang hidup sebagai pekebun-pekebun kecil dan sebagai petani-petani dan sebagai

nelayan-nelayan. Kehidupan mereka ini terdedah sepertimana yang saya katakan kepada keadaan cuaca dan keadaan iklim, manakala hujan turun pekebum-pekebum kecil tidak dapat hendak menikmati pencarian hidup mereka, mereka tidak dapat menoreh getah mereka. Begitu juga nelayan-nelayan di pantai mereka tidak dapat ke laut dan begitu juga keadaan petani-petani di tanah-tanah bendang.

Keadaan yang sedemikian ini telah berlanjutan turun-temurun hingga menyebabkan satu akibat tradisi yang telah berlanjutan mereka warisi yang mana menyebabkan keadaan ekonomi mereka sangat-sangat meleset. Punca daripada tradisi itu telah menyebabkan banyak tanah-tanah telah tergadai. Oleh yang demikian, saya suka menarik perhatian Menteri yang berkenaan di dalam penyiasatannya supaya menitikberatkan menyiasat mengenai tanah-tanah tergadai di sebelah utara di Negeri Perlis dan Negeri Kedah terutamanya, kerana banyak daripada tanah-tanah petani-petani yang telah terlepas kepada orang-orang tengah yang mana mengakibatkan segala rancangan-rancangan Kerajaan, yang Kerajaan tujuan untuk kepentingan petani tidak sampai kepada petani.

Saya bawa contoh di sini apa yang sudah saya ucapkan di dalam Dewan yang mulia ini tempoh hari di dalam membincangkan ucapan yang telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan. Saya telah katakan yang subsidi yang telah diberikan kepada petani-petani bocor tidak sampai kepada petani-petani, sebabnya tidak lain tidak bukan ialah petani-petani kebanyakannya bukan berusaha di atas tanah mereka sendiri, tetapi mereka menyewa tanah mereka itu ataupun mereka mengerjakan tanah mereka yang telah mereka gadai kepada orang-orang tengah. Manakala Kerajaan mengeluarkan subsidi baja kepada mereka dan subsidi itu diberikan melalui Persatuan Peladang, Persatuan-persatuan Peladang menjual dengan sekali gus kepada mereka. Mereka tidak dapat hendak membeli dengan sekali gus. Kalau sekiranya seorang petani itu membuat bendang 4 relong ia berkehendakkan 8 kampil baja, tiap-tiap satu kampil dia kena bayar $\$10.00 \times 10 \times 8 = \80.00 dari manakah petani-petani yang miskin ini untuk mendapatkan wang yang $\$80$ itu dengan sekali

gus. Oleh kerana kemiskinan mereka terpaksa pergi mengambil wang daripada orang-orang tengah untuk membeli baja yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada mereka. Manakala mereka pergi berhutang kepada orang-orang tengah dan orang-orang tengah itu mengenakan pula faedah di atas hutang-hutangnya itu. Maka dengan sebab itulah saya katakan subsidi yang diberikan oleh Kerajaan kepada mereka seolah-olah tidak sampai kepada mereka. Saya berharap perkara ini patutlah Kementerian yang berkenaan mengambil perhatian yang berat supaya dapat mengatasi masalah-masalah ekonomi dan sosial yang telah dihadapi oleh penduduk-penduduk luar bandar, terutama sekali petani-petani sepertimana yang saya katakan supaya dapat mereka menebus balik tanah-tanah yang telah tergadai itu kembali kepada mereka.

Satu perkara lagi di dalam masalah ini, berhubung dengan rancangan-rancangan yang telah dijalankan oleh Kerajaan sepertimana Perairan MUDA yang mana saluran-saluran air, taliair, parit dan sebagainya telah dapat menyampaikan air kepada sawah-sawah dan begitu juga rancangan-rancangan Kerajaan yang mengadakan jalan-jalannya yang begitu banyak bagi memudahkan petani-petani di kampung-kampung, nikmat yang boleh diperolehi daripada rancangan-rancangan Kerajaan itu manakala terdedah kepada nikmat-nikmat yang asli yang telah diturunkan oleh Allah subhanah wataala iaitu hujan, menyebabkan banjir berlaku di tanah-tanah itu, yang mana tiap-tiap tahun mengakibatkan beribu-ribu wang rakyat telah kehilangan disebabkan oleh hujan yang begitu lebat dan hujan yang turun begitu banyak itu tidak dapat pergi ke laut maka menyebabkan kerugian yang begitu banyak. Ini kesemuanya kerugian-kerugian itu adalah kerugian-kerugian petani belaka. Kalau begitu ini adalah satu penghalang yang menyebabkan had maksima supaya dinikmati oleh penduduk-penduduk itu tidak dapat dinikmati. Oleh yang demikian, di dalam masalah-masalah ini pun, saya harap mendapat perhatian di dalam kajian Kementerian ini.

Menyentuh perkara am, bukan perkara tempatan iaitu masalah kaji insan dan banci penduduk. Berkenaan dengan banci, saya rasa mengikut sepertimana pengalaman saya dalam pandangan saya dengan mata

yang kasar, penduduk-penduduk di luar bandar belum lagi sedar berkaitan dengan mustahaknya banci ini. Mereka manakala banci didatangkan ke tempat mereka, samada banci penduduk ataupun banci pertanian, ataupun banci yang lain, mereka takut-takut untuk menerangkan hakikat yang sebenar kepada mereka. Saya bawa contoh berkenaan dengan banci pertanian yang telah berlaku beberapa tahun yang lalu. Penduduk-penduduk itu takut di antara dua keadaan. Banci ini apa tujuannya? Dengan sebab itu mereka tidak dapat memberikan keadaan yang sebenar. Kalau mereka ditanya berapa relong mereka buat bendang, dia pun takut, takut kerana apa tujuannya? Tujuan ini untuk membanci zakat ataupun memberi kerana bantuan. Kalau sekiranya difikirkan untuk memberi bantuan, maka yang dia buat 4 relong itu dia kata 10 relong. Seorang lain pula memikirkan yang banci ini banci zakat, dia buat 10 relong dikata 4 relong. Ini satu perkara disebabkan tidak ada kesedaran yang sungguh-sungguh berkenaan dengan banci. Kalau begitu di dalam masaalah ini, saya harap penerangan yang begitu luas diadakan.

Satu lagi yang menarik perhatian saya dan harapan saya kepada Kementerian ini ialah berkenaan dengan nisbah lahir dan nisbah kematian penduduk-penduduk. Mengikut apa yang disiarkan di akhbar-akhbar nisbah kematian anak-anak dan nisbah lahir anak-anak tidak seimbang di antarabangsa penduduk-penduduk negeri ini.

Saya dapati nisbah kematian anak-anak bumiputra lebih banyak daripada yang bukan bumiputra. Tetapi nisbah kelahiran tidak begitu banyak perbezaan. Kalau begitu, ini adalah membimbangkan saya, kalau keadaan yang sedemikian berlanjutan, maka perimbangan bilangan penduduk di satu masa kelak akan jauh bezanya di antara penduduk-penduduk di negeri ini. Oleh yang demikian, saya berharap kepada Kementerian ini supaya di dalam masaalah ini membuat pengajian yang betul-betul adakah bumiputra berkehendakkan kepada perancangan keluarga atau bumiputra berkehendakkan kepada kemudahan-kemudahan kesihatan. Kalau sekiranya apa yang saya khawatirkan akan berlaku, perbezaan yang begitu jauh di dalam masa yang sedikit akan berlaku oleh penambahan bilangan anak-anak dan kematian anak-anak kecil ini, saya percaya bumiputra berkehendakkan kepada

kemudahan-kemudahan kesihatan bagi anak-anak yang dilahirkan itu supaya jangan mati begitu banyak, dan bumiputra tidak berkehendakkan kepada perancangan keluarga. Kalau sekiranya perancangan keluarga dititik-beratkan dan kemudahan kesihatan tidak diberikan kepada penduduk-penduduk bumiputra, maka akibatnya sepertimana yang saya katakan tadi, perimbangan bilangan penduduk di antara bumiputra dan bukan bumiputra di satu masa akan terancam.

Pendapat ini adalah pendapat yang saya dapat diberikan dengan cara mata kasar sahaja. Saya harap kepada Kementerian yang berkenaan supaya membuat kajian yang betul-betul dan mengeluarkan kenyataan itu serta cadangan-cadangan yang konkrit dan yang berfaedah, terutama sekali kepada bumiputra dapat dimajukan. Itulah sedikit sebanyak ucapan saya.

4.04 ptg.

Tuan Sanusi bin Junid (Jerai): Tuan Pengerusi, dalam menyokong peruntukan untuk Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, saya ingin mengatakan bahawa walaupun peruntukan untuk Kementerian ini kelihatan kecil, malah jatuh nombor dua jumlahnya kalau dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan untuk Kementerian-kementerian lain, tetapi saya berpendapat bahawa peranan yang akan dimainkan oleh Kementerian ini adalah penting sekali, malah kita boleh katakan Kementerian inilah yang boleh dianggap sebagai "the brain of the Government", kerana saya kira di dalam Kementerian inilah nanti kita akan dapati hasil-hasil daripada penyelidikan yang mendalam yang dapat kita gunakan untuk mempercepatkan lagi pembangunan negara.

Tuan Pengerusi, sebagai "the brain" ataupun "otak" sudah tentu kita tidak perlu otak yang begitu besar yang memerlukan peruntukan yang begitu besar pula. Apa yang penting ialah "quality" atau nilainya ataupun mutu yang ada pada Kementerian ini nanti. Saya penuh keyakinan sebagai sebuah Kementerian yang dipimpin oleh seorang Menteri yang dahulunya memimpin Kementerian yang akhirnya mencetuskan PETRONAS, banyak perkara-perkara yang unexpected ataupun yang kita tidak sangka-sangka yang akan lahir hasil daripada usaha yang dijalankan di dalam Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kita mengetahui bahawa sesebuah negara itu waktu dalam proses membangun perlu menjalankan usaha pembangunan dengan mengadakan perubahan-perubahan dari sudut politik, dari sudut ekonomi dan dari sudut sosial. Kita lihat hasil daripada usaha penyelidikan yang saya anggap mendalam kita telah berhasil mengatur politik negara ini begitu rupa, sehingga hari ini kita boleh katakan bahawa sebilangan besar masyarakat di negara ini sudahpun dalam proses bersatu dan akan terus bersatu.

Selain daripada usaha di bidang politik, usaha di bidang sosial dan usaha di bidang ekonomi adalah usaha-usaha dalam bidang-bidang yang mustahak jika kita mahukan perubahan di dalam negara. Oleh itu sebuah Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi sudah tentu dapat memainkan peranan yang penting untuk menentukan ke mana arah pembangunan negara ini. Sebagaimana yang pernah saya katakan di dalam Dewan yang mulia ini di masa-masa yang telah lalu penyelidikan yang mendalam harus kita jalankan supaya usaha pembangunan kita tidak tempang dan pembangunan material kita melebihi jika dibandingkan dengan pembangunan rohani, dan kadangkala pembangunan rohani itu melebihi ataupun pembangunan rohani itu tidak tepat dan tidak lurus sebagaimana yang semestinya, sehingga pembangunan rohani itu juga menjadi satu penyelewengan yang tidak dapat kita ubah lagi, kerana kita tidak ada satu penyelidikan yang tertentu.

Tuan Pengerusi, saya bawa Dewan ini kembali di kawasan Jerai, di mana penduduk-penduduknya berjumlah lebih kurang 55,000 orang. Daripada jumlah 55,000 orang, 47,000 orang terdiri daripada mereka yang beragama Islam. 31,000 orang daripada jumlah ini adalah mereka yang sudah lebih umur dan sudah diwajibkan sembahyang. Dari jumlah 31,000 orang ini, 16,000 terdiri daripada orang-orang perempuan, dan 15,000 orang lagi daripada orang lelaki. Daripada 15,000 orang yang wajib menjalankan sembahyang hanya lebih kurang 3,000 orang sahaja yang menjalankan sembahyang Jumaat dalam 27 buah Masjid pada tiap-tiap hari Jumaat. Jumlah 20% di kawasan yang mempunyai 4 buah Sekolah Arab dan beberapa buah pondok adalah mendukacitakan.

Saya rasa satu penyelidikan yang mendalam perlu dibuat supaya kita tahu apakah "effect education." Apakah "effect kekayaan," dan apakah kekayaan itu apabila sudah masuk ke tangan manusia, menyebabkan manusia lupa kepada Tuhannya. Apakah ilmu pengetahuan yang masuk ke dalam jiwa manusia itu, setelah banyak ilmu pengetahuan itu masuk, manusia bongkak dan lupa kepada Allah subhannahu wataala. Ini harus kita pastikan kerana saya takut kalau 20% yang menunaikan sembahyang Jumaat ini menjadi ukuran kemajuan rohani, apakah di masa-masa akan datang kita akan lihat peratus ini lebih menurun sehingga satu hari nanti kita perlu perbesar budget di Jabatan Perdana Menteri untuk tujuan-tujuan ugama, dan waktu itu kita kena berhentikan perbelanjaan untuk tujuan-tujuan yang lain, semoga perkara-perkara yang begini tidak berlaku. Kita harus membuat penyelidikan dan saya kira Kementerian Perancang Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi ini untuk tahun-tahun yang akan datang akan diberi peruntukan yang lebih supaya mereka dapat menjalankan tugasnya dengan lebih meluas lagi.

Tuan Pengerusi, kita kadang-kala keliru apakah rakyat berterima kasih kepada pemerintah, apakah pemerintah memahami masalah rakyat. Dalam perkara ini ingin saya katakan di sini bahawa di dalam kawasan Jerai yang kecil ini jumlah radio dan TV yang dipunyai oleh bumiputra tidak lebih daripada 600 buah, dan dari penyelidikan ini saya dapat membuat kesimpulan hanya 30% sahaja dari rakyat di kawasan saya khususnya mengetahui "what is happening in this country and what is happening in the world". Apa yang berlaku dalam negeri ini dan apa yang berlaku di dunia, kalau kita harapkan propaganda ini melalui Jabatan Penerangan ataupun melalui radio dan TV, maka rakyat dalam kawasan saya khususnya hanya kira-kira 30% sahaja yang mengetahui perkembangan sehari-hari.

Kalau information untuk masyarakat ini tidak mencukupi sudah tentu banyak anasir-anasir boleh masuk ke desa-desa, ke kampung-kampung, ke kawasan-kawasan luar bandar dan apabila kita menghadapi satu-satu masalah sosial dan masalah ekonomi sudah terlambat untuk kita memberitahu kepada rakyat kerana rakyat selama ini kebanyakannya tidak mengetahui segala

facilities, segala kemudahan yang memang sedia ada untuk mereka. Itulah sebabnya di negara-negara komunis kita tahu ada loud-speakers di station-station keretapi, ada pembesar suara di sekolah-sekolah melalui-nya dihebahkan berbagai-bagai macam perkara mengenai Kerajaan, mengenai pembangunan, mengenai negara. Hanya dengan cara ini dapat rakyat mengetahui apa yang sedang berlaku di negaranya dan apa yang sedang berlaku di peringkat international. Bukan saya bercadang supaya negara kita ini ada loudspeakers di sana-sini. Apa yang saya fikirkan di sini ialah supaya satu penyelidikan dibuat untuk mengetahui berapa banyakkah daripada rakyat yang mengetahui, apa yang sedang dibuat oleh pemerintah dengan sedalam-dalamnya. Saya juga berharap Kementerian ini nanti akan membuat satu penyelidikan mengenai family planning. Apakah dengan adanya rancangan keluarga kita sudah mempunyai keluarga yang besar-besar ataupun dengan adanya rancangan keluarga, keluarga kita sudah menjadi kecil. Kalau dengan adanya rancangan keluarga, maka keluarga-keluarga sudah menjadi besar-besar—syukur alhamdulillah, maka kita tidak perlu batalkan rancangan family planning ataupun rancangan keluarga. Tetapi kalau dengan adanya rancangan keluarga ini, keluarga dirancang begitu rupa sehingga menjadi kecil, maka saya fikir perlu pihak Kementerian membuat penyelidikan apakah effect ini atas pembangunan ekonomi jangka panjang kerana kita mengetahui di satu saat dahulu negara Jerman terpaksa mengimpot orang-orang Turkey untuk bekerja dalam industri-industri mereka, kerana pada waktu itu tidak cukup orang di Jerman untuk bekerja di dalam negara mereka yang pada waktu itu pesat membangun.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi yang saya fikir perlu dibuat penyelidikan oleh Kementerian Perancang Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi ialah mengenai pelajaran anak-anak sekolah. Kita perlu meninjau bukan sahaja tenaga yang mengajar di dalam satu-satu kawasan pilihanraya ataupun satu-satu daerah, tetapi kita perlu meninjau beberapa banyak bilik darjah dan kita perlu meninjau berapa banyak pelajar-pelajar dan yang lebih penting sekali ialah kita perlu meninjau berapakah “cost of education” di dalam sesuatu kawasan.

Di dalam kawasan Jerai dengan pelajar yang berjumlah 12,000 orang dengan perbelanjaan education dari segi gaji guru-guru tidak kurang daripada \$1.5 juta tiap-tiap tahun, hanya menghasilkan 5 hingga 15 orang sahaja H.S.C. students, dan saya fikir kalau dari segi perdagangan, ini adalah very poor investment. Tetapi mungkin kalau dari segi education, ada lagi kesan-kesan lain yang baik sekurang-kurangnya untuk eradicate ataupun untuk menghapuskan soal tidak tahu menulis dan tidak mahu membaca atau buta huruf. Tetapi saya percaya di kawasan-kawasan lain, di kawasan-kawasan bandar dan di kawasan-kawasan yang tidak begitu kampung sudah tentu atas investment ataupun atas perbelanjaan \$1.5 juta kita dapat mengeluarkan lebih ramai lagi pelajar-pelajar yang pergi ke universiti daripada kawasan tersebut. Study ini perlu supaya kita tidak sahaja mengeluarkan intelek-intelek ataupun orang-orang yang belajar dari satu-satu kawasan sahaja, kerana di kawasan-kawasan lain pun kita hendak tenaga mengajar kerana di kawasan itu juga mereka mahu mengeluarkan intelek-intelek yang dapat kemudiannya balik ke kampung untuk memberi khidmat kepada masyarakat.

Tuan Pengerusi, sekali lagi dalam menyokong peruntukan ini saya ucapkan tahniah kepada Menteri tersebut dan saya percaya lantikan ini adalah lantikan yang paling penting dan peruntukan ini walaupun sedikit untuk tahun ini mungkin diperbesar-kan untuk tahun-tahun yang akan datang, tetapi dengan yang sedikit ini mungkin akan melahirkan nanti berbagai-bagai macam perkara-perkara baru seperti Petronas dan akan melahirkan nanti berbagai-bagai macam pelan yang besar-besar dan dengan pelan ini akan dapatlah kita lengkapkan kedudukan-kedudukan politik kita dengan susunan sosial dan ekonomi yang lebih sempurna daripada yang sedang sempurna.

4.06 ptg.

Tuan Jawan anak Empaling (Rajang):
(Dengan izin) Tuan Pengerusi, I would like to take this opportunity to indicate to this House that I am in a position to support the proposed Supply and Development Estimates of 1975 for the Ministry of General Planning and Socio-Economic Research as provided under Heads B. 13, B. 14 and B. 15. However, I hope that this Ministry will not be merely doing only economic research, but will

also be doing more intensive planning for the restructuring of our Malaysian society into a really fair and just society for all Malaysians. The main reason for mentioning this phrase "planning for the restructuring of our Malaysian society into a really fair and just society" is because I know that quite a number of our people in this country, particularly in the State of Sarawak, are still living in the jungle. Their longhouses are quite far from the major towns in the State and they also have many problems confronting them in their daily life. Because of all these difficulties, it is quite a problem for the National Government to implement our development projects there. It is also a problem for the people themselves to bring their produce for sale at any major town in the State.

I think, Tuan Pengerusi, I must indicate to the House that I am personally quite happy about the establishment of this Ministry, particularly about the fact that a Sarawakian is charged with the responsibility of this Ministry, so that the socio-economic problems of the rural folks in every State can be looked after. I think the time has come for this Ministry to reconsider and rethink how to restructure our urban and our rural societies by giving a fair distribution of goods and services to all Malaysians, particularly to the poor people in the rural areas. If this cannot be done, then our philosophy and our objective of bringing up a fair and just society may become an empty philosophy and we will be sorry for this because a mass revolution will inevitably come in.

I think the time has also come for us to rethink and restructure our society by opening up more land for the landless and by encouraging more rural and urban folks to be engaged in the nation-building process by fully participating in schemes like the lada planting scheme, fruit planting scheme, padi planting scheme and rubber replanting scheme, etc. on a very large scale thereby giving great credentials to our Malaysian society and a great status as a producing country—a lada producing country, padi producing country and rubber producing country and so on. How could this be done by the average folks? Could these people do this by themselves? Yes, they could, but only to a certain extent. It is understandable that the rural folks cannot do this on a large scale.

Therefore, I hope that this Ministry will plan it nicely and ask the authorities to step in to help these people. If this cannot be done, again we will be sorry for it later.

Tuan Pengerusi, I think we should be grateful to our Barisan Nasional Government at the national and State levels for opening up some areas for resettlement schemes, particularly in the State of Sarawak. I am quite certain that the resettlement scheme in Sarawak is one of the finest programmes to raise up the standard of living and bring great happiness to the rural folks. Along with these resettlement schemes—I would personally appeal to the Government—it is necessary for the Central Government to reconsider building more roads in the rural areas, so that it will help them to eliminate the communication problem in the rural areas.

Tuan Pengerusi, it is my sincere hope that this Ministry of General Planning and Socio-Economic Research will not only plan to develop urban areas into industrial communities but will also plan and consider the urbanisation of our rural communities in the future.

4.24 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Pengerusi, saya turut sama membahaskan di atas peruntukan Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi.

Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan langkah Kerajaan kita sekarang ini mengadakan satu Kementerian bagi mengkaji masaalah sosio-ekonomi bagi negara kita dan mengadakan kajian-kajian apa yang telah berlaku dan apa yang ada dalam negara kita, juga apa yang akan dibuat. Saya rasa dan saya yakin usaha-usaha akan dibuat dengan bersungguh-sungguh agar maksud dan tujuan penubuhan Kementerian ini oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri akan benar-benar menghasilkan cita-cita yang diamanahkan oleh rakyat bagi kepentingan mereka di masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, perkara perangkaan. Saya memuji Jabatan ini kerana Jabatan ini telahpun berjaya membuat kajian dan berjaya membuat perangkaan yang menunjukkan di mana kebaikan dan keburukan yang ada dalam negara kita dan juga di mana

ada kekayaan dan kemiskinan di negara kita. Sebagai satu contoh, pihak Jabatan ini telahpun dapat mempamerkan perangkaannya bagaimana yang telah dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Kedua dan juga Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua berhubung dengan masalah kemiskinan rakyat dan juga berhubung dengan kehendak-kehendak rakyat di dalam ataupun di luar bandar. Sebagaimana yang kita tahu bahawa kedudukan sekarang, rakyat di luar bandar mengikut perangkaan yang diberi oleh Jabatan ini bahawa mereka sebahagian besarnya adalah terdiri daripada orang-orang yang miskin. Apatah lagi kalau kita baca kedudukan di setengah-setengah negeri misalnya di Negeri Trengganu, Kelantan, Perlis dan Kedah di mana kedudukan pendapatan per capita rakyat adalah di bawah daripada \$100. Ini adalah hasil-hasil yang dapat ditunjukkan oleh Jabatan ini dalam kajiannya berkaitan dengan kesulitan-kesulitan rakyat.

Tuan Pengerusi, demikian juga dalam bahagian perikanan ataupun kaum nelayan di mana pihak Jabatan ini dapat menunjukkan bahawa kaum nelayan di negara kita ini sebahagian besarnya adalah masih terbiar, bukan dibiarkan oleh Kerajaan, tetapi dibiarkan oleh keadaan di mana kedudukan mereka sekarang adalah berpendapatan bawah daripada \$60. Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas perangkaan-perangkaan dan penyelidikan-penyelidikan yang dilakukan oleh Jabatan ini dan saya berharap pada masa yang akan datang usaha ini akan dijalankan secara bersungguh-sungguh. Tetapi ada satu perkara yang ingin saya ingatkan supaya mesti dikaji pula berkaitan dengan perbelanjaan yang harus ditanggung oleh rakyat negara ini. Misalnya, saya sebutkan bahawa kalau Jabatan Perangkaan dapat menunjukkan bahawa sebahagian besar rakyat negeri-negeri yang saya sebutkan tadi adalah berpendapatan kurang daripada \$100 dan sebahagian besar daripada kaum nelayan adalah kurang daripada \$60 maka apakah ini mencukupi dengan keadaan perbelanjaan hidup negara kita di masa ini? Saya rasa jalan yang mesti dicari oleh Jabatan yang kedua iaitu Jabatan yang dipanggil Jabatan Pengkajian dan Pembangunan Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya tidak tahu samada di masa yang lalu adakah dibuat dengan secara teliti berhubung dengan rancangan-rancangan ekonomi di negara kita, tetapi

apa yang saya tahu bahawa kita telah merdeka selama 18 tahun, tetapi kedudukan rakyat di luar bandar dari segi individu dan dari segi perseorangannya masih ketinggalan. Kita dapat melihat baru-baru ini pihak Perbendaharaan telah mengeluarkan penyata bahawa kedudukan rakyat yang miskin itu masih tetap miskin dan kejayaan Dasar Ekonomi Baru kita iaitu membasmikan kemiskinan masih belum tercapai sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya rasa sekarang ini tanggungjawab besar mesti dipikul oleh Kementerian yang ada di hadapan kita iaitu Kementerian Perancangan Awam dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, dan saya yakin penuh bahawa Yang Berhormat Menteri kita ini seorang muda yang aktif akan sanggup memikul tanggungjawab itu demi faedah rakyat di masa yang akan datang.

Saya membawakan di sini satu contoh di mana tiga tahun yang lalu pihak Kerajaan membuat kajian bahawa kita mesti memerlukan beras sebanyak 90%, tetapi tiga tahun kemudian pihak Kerajaan mengkaji pula bahawa kita mesti memerlukan 100% pengeluaran beras, seolah-olah masa kita mengkaji tiga tahun lalu itu, kita tak tahu apa yang akan jadi masa yang akan datang. Saya tidak boleh mengatakan bahawa ini terjadi dengan sendirinya, sebagai pihak pengkaji, maka sepatutnya kita tahu atau dapat menjangka keperluan 5-10 tahun akan datang, sebagaimana ahli-ahli politik mengkaji sebelum merdeka dahulu, kita akan menjadi begini di masa akan datang, maka kejadian itu benar berlaku seperti yang ada sekarang.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya ingin bawa di sini masalah getah. Sekarang kita dapat tahu di sana-sini orang ramai sibuk menceritakan bagaimana penoreh getah masih berpendapatan rendah, tidak cukup makan sehingga pelajar-pelajar mengadakan tunjuk perasaan kononnya. Penoreh getah tak cukup makan, betul atau tidak saya tak tahu.

Tuan Pengerusi: Ini di bawah Kepala berapa Ahli Yang Berhormat bercakap?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Pembangunan Malaysia di bawah Kertas Perintah 24/74.

Tuan Pengerusi: Banyak perkara yang telah dikemukakan dan sudah diberi penerangan dalam Majlis ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Pengerusi, saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan apakah perlu lagi kita luaskan pemberian tanah getah secara kecil-kecilan, beri 6 ekar ataupun 4 ekar. Apakah sesuai atau tidak, kalau tidak apakah perlu kita buat pada masa yang akan datang. Perkara ini mesti difikirkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan. Dan juga berkaitan dengan cara kita menolong rakyat, saya beri satu contoh, setahu saya pihak Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar ada memberi bantuan anak ayam, 50 ekor seorang. Bila kita tanya pihak pegawai yang berkenaan atau kepada pihak yang ahli dalam bab ini apakah ini sesuai atau tidak, adakah ini ekonomik atau tidak, jawabnya tidak kerana sepatutnya perusahaan ternakan ayam kalau tak silap saya, lebih kurang 2,000 ekor baharulah dia boleh mendatangkan keuntungan. Kalau hanya diberi 50 ekor walaupun itu tidak ekonomik, tetapi telah dibuat. Ini satu contoh. Demikian juga dalam pemberian lembu pawah. Jadi saya rasa ini satu perkara yang perlu mendapat perhatian benar-benar oleh Menteri yang berkenaan agar di masa akan datang tidak berlaku lagi.

Yang kedua

Tuan Pengerusi: Begini panjang, baru nombor dua?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ingin saya sebutkan lagi berkaitan dengan pemindahan, di sini ada butir-butirnya, Tuan Pengerusi. Pemindahan penduduk luar bandar pergi ke dalam bandar. Ini perlu dikaji juga, kerana sekarang ramai kita dapati orang luar bandar berpindah ke dalam bandar kerana pekerjaan di luar bandar tidak ada. Mereka pindah ke dalam bandar, kerana katanya di dalam bandar ada kerja dan mereka itu tak boleh kita marah. Mereka telah menyahut seruan Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri di mana satu ketika dahulu pernah mengajak rakyat pindah ke dalam bandar bagi melibatkan diri dalam perniagaan dan sebagainya. Jadi seruan ini disambut baik oleh rakyat luar bandar dengan berpindah ke dalam bandar, kerana di sana ada kerja. Apa yang menjadi

masaalahnya ialah apakala mereka pindah ke dalam bandar, maka masaalah tempat duduk, masaalah kesihatan dan sebagainya adalah terlibat. Jadi mesti difikirkan, jika kita hendak bawa orang di luar bandar ke dalam bandar ini, bagaimana caranya kita mesti menyediakan flat, mesti menyediakan berbagai cara lagi untuk kepentingan mereka. Ini adalah satu kebaikan bagi mereka juga.

Perkara yang akhir sekali berkaitan dengan Badan Berkanun. Dalam kajian yang dibuat ini ialah penyelarasan antara Badan-badan Berkanun Kerajaan. Dahulu kita dapati Badan-badan Berkanun Kerajaan banyak membuat kerja tidak mendatangkan keuntungan, dan ada beberapa buah negeri yang mengadakan badan-badan berkanun, tetapi selalu rugi. Ada sebuah negeri 90% Badan Berkanunnya telah rugi, saya tak mahu sebut di sini nama negeri itu, nanti malu pula.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh bercakap dalam perkara ini di bawah B. 31 dengan lebih panjang lagi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Pengerusi, bolehkah atau tidak saya bercakap di bawah Kepala ini?

Tuan Pengerusi: Penyelidikan itu luas bidangnya, tetapi kalau B. 31 itu khusus bagi Kementerian Penyelarasan, bolehlah.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Dalam penyelidikan mengenai Badan-badan Berkanun ini ada butirannya.

Tuan Pengerusi: Kalau ada kaitannya memang boleh.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Sedikit lagi, Tuan Pengerusi. Saya minta supaya dibuat kajian yang bersungguh-sungguh supaya Badan-badan Berkanun yang ditubuhkan oleh samada Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri biarlah mendatangkan keuntungan jangan bila ada pemimpin-pemimpin yang bercita-cita hendak mengadakan Badan Berkanun ditubuhkan dan diberi wang \$500,000 ambil beberapa orang jadi Pengurus dan diberi gaji \$1,000 atau \$1,500 sebulan. Akhirnya dalam dua tahun kemudian penyatanya menunjukkan rugi, wang \$500,000 sudah tidak ada, habis membayar gaji dan habis untuk beberapa

perkara lagi. Jadi, perkara semacam ini tidaklah patut berlaku, dan saya rasa Tuan Pengerusi pun tak suka perkara itu berlaku, sebab ada juga badan-badan lain, misalnya, L.P.N. telah berjaya mendapat keuntungan. Ada juga kejayaan tetapi ada badan-badan lain yang saya lihat rugi. Pada masa yang akan datang, saya harap pihak Kementerian ini membuat kajian, dan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk mengadakan Badan-badan Berkanun itu supaya tidak mengalami kerugian pula.

4.37 *ptg.*

Datuk Haji Abdul Taib Mahmud: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas pandangan-pandangan yang telah dilafazkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebenarnya, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberikan cadangan-cadangan yang saya fikir boleh menjadi asas panduan kepada Kementerian saya yang baru ini.

Suka saya nyatakan di sini bahawa bentuk perjalanan Kementerian saya belum lagi kaku, kerana soal dasar-dasar asas lagi dalam pertanyaan oleh saya sendiri kerana approach baru mesti berkehendak kepada pemikiran baru atas apa yang patut dijalankan dalam Kementerian saya. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat lebih tahu, inilah kali pertama Kerajaan kita menunjukkan satu perhatian yang benar-benar berat kepada soal sosio-ekonomi dan memanglah menjadi tujuan Kerajaan untuk melihatkan kesan-kesan pembangunan dalam negara ini dan melihatkan masaalah-masaalah menerusi cermin-mata sosio-ekonomi. Maka oleh sebab itu, saya tidaklah dapat memberi komen-komen atas pandangan-pandangan yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, yang mana banyak saya dengar ada menasabah dan juga banyak yang terdengar oleh saya susah hendak diterima pada mulanya, tetapi biarlah saya tinggalkan issue itu dalam suspension, menanti masa yang saya dapat lebih maklumat dan saya menduduki keadaan yang membolehkan saya melihatkan masaalah ini dengan lebih lengkap lagi data-data dan backgroundnya.

Nampaknya soal yang paling besar dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, terutama sekali tiga orang Ahli Yang Berhormat ialah soal mementingkan pembangunan di luar bandar kalau dibandingkan

dengan bandar. Ada pula yang berpendapat bahawa pembangunan dalam bandar itu mungkin mengikut kata orang putih: at the expense of the rural area. Sebenarnya ini tidaklah benar kerana tiap-tiap negara yang mempunyai ekonomi berasas kepada kegunaan wang dan activity commerce dan infrastructure mesti berkehendakkan kepada tumpuan-tumpuan pada bandar dan facilities mesti didevelope. Yang kita ingin hendak kajikan bukanlah soal hendak menghalangkan pembangunan bandar kita tetapi hendak menyelaraskan pembangunan bandar kita supaya memberi kesan yang cukup banyak kepada hinterland yang di luar bandar itu.

Saya fikir walaupun tidak ada socio-economic studies mengenai soal ini dalam Malaysia, Kerajaan kita selepas merdeka memang telah dapat mengenal bahawa keadaan kurang seimbang ataupun tidak seimbang berada di antara bandar dan luar bandar. Maka itulah sebabnya the first drive di dalam development plan kita ialah untuk melebarkan, membanyakkan facilities, infrastructure keluar bandar. Tetapi selepas mendapat facilities, infrastructure ini soalnya bagaimana dapat mempercepatkan satu-satu tempat di luar bandar itu supaya dapat merasai sama faedah ekonomi dengan dalam bandar. Ini banyak soalnya berasas kepada soal economy of scale dan emplacement of resources dan skilled labour. Ini tidak dapat diatasi dengan secara keputusan Kerajaan sekiranya hendak membangunkan satu-satu kampung ataupun kawasan di luar bandar kerana the mechanics of development itu ada talian dan kaitannya tidak dapat kita memaksakan satu pembangunan di satu kawasannya, kalau keadaan-keadaan sekelilingnya tidak dapat kita rujukkan untuk memberi satu faedah yang cepat kepada kawasan yang berkenaan. Ini normal model of development. Jadi mengenai Negeri Sarawak ini mesti menjadi tandatanya.

Saya sendiri telah berfikir bukan sahaja sebagai Menteri tetapi sebagai anak Sarawak bagaimana dapat mengatasi soal orang-orang yang diam di luar bandar di Sarawak iaitu orang-orang Melayu, orang-orang Bidayuh, orang Iban, Kayan, Kenyah dan lain-lainnya. Oleh sebab keputusan-keputusan yang diambil oleh nenek-moyang kita beratus tahun dahulu, maka malang atau baiknya, saya tidak berani menyebutkan, orang Melayu diam di tepi sungai ataupun di tepi laut, bertompok-tompok di kuala sungai-sungai di

Negeri Sarawak, orang Bidayuh diam di otak gunung (kata orang Sarawak) dan orang Iban diam di ulu-ulu sungai kemudian di anak-anak sungai. Inilah corak settlement of Sarawak pada beberapa tahun yang lepas. Orang Iban pergi ke hulu, orang Bidayuh pergi ke tempat-tempat jauh di gunung, di hulu sungai kerana mereka pada masa itu bergantung kepada penanaman padi bukit (hill padi). Bersabit dengan penanaman padi bukit ini, satu cara hidup of shifting cultivation, memotong hutan-rimba di satu tempat, kemudian dua tiga tahun beralih ke tempat lain dan tempat lama ditinggalkan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Oleh sebab tidak ada jalan perhubungan bergantung sentiasanya kepada sungai maka masyarakat-masyarakat, samada Melayu, Bidayuh dan Iban terpaksa bertompok-tompok dalam bilangan yang kecil. Ini barangkali kalau Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak dapat berfikir balik adalah historical background, boleh dikatakan socio-economic history pada orang-orang ini. Orang Melayu bergantung kepada menangkap ikan dan bertanam sawah padi (swamp padi). Orang China datang untuk berdagang tentulah mencari tempat-tempat yang sudah ramai orang. Jadi tidak ada pihak yang boleh kita cela dalam soal ini. Ini accidents of history, the natural consequence of our habits bagaimana hendak mengatasi soal ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu telah mengatakan Kerajaan mesti mencari jalan bagaimana dapat membuat jalan-jalanraya ke luar-luar bandar di Negeri Sarawak. Saya pernah menjadi Menteri Kerja Raya yang membuat jalan pada masa itu, inilah masalah yang ditimbang oleh saya dan sekarang ini oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Soalnya bagaimana kita dapat membuat jalan sampai 10 batu untuk sebuah rumah panjang yang kadang-kadang 40 pintu sampai 100 pintu iaitu daripada 200 orang sampailah 500 orang. Tidak ada Kerajaan dalam dunia yang mungkin dapat mampu untuk menjalankan program pembangunan yang begitu. Jangan katalah kita dapat mendirikan secondary school, clinic, electricity dan deep water supply untuk orang-orang ini. Yang mendukacitakan di kalangan orang-orang luar bandar di

Sarawak ini ialah bahawa mereka tidak akan mempunyai satu pandangan moden kalau mereka tidak memikir dengan nasib mereka pada masa sekarang ini.

Saya pernah bertanya kepada kawan-kawan Iban saya di rumah panjang berapakah di antara anak-anak orang Iban yang sudah lulus Tingkatan III ataupun Tingkatan V balik duduk ke rumah panjang mereka sendiri supaya menjadi satu pengaruh menukarkan corak pemikiran orang untuk menyambut dasar-dasar atau program-program pembangunan. Mereka mengakui bahawa tidak ada, jarang sekali ada orang yang lulus Tingkatan III ataupun Tingkatan V balik ke rumah panjang mereka semula. Ini bererti dan saya berani bercakap dan telahpun bercakap kepada mereka bahawa masyarakat Iban yang bertompok-tompok dengan bilangan kecil di hulu-hulu ini akan terdiri daripada orang tua yang kadang-kadang tidak pandai membaca dan menulis dan susah akan menerima saikoloji-saikoloji, jangan kata insentif-insentif untuk development, dan anak-anak kecil yang terpaksa bergantung kepada nenek atau bapa mereka itu. Ini bererti masyarakat Iban ini susah hendak digerakkan kalau dibiarkan bertompok-tompok seperti sekarang ini. Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu tidak ada menganalisis kedudukan orang Iban, orang Bidayuh, orang Melayu seperti pihak Barisan Nasional sekarang ini hanya mereka timbul-timbulkan satu ataupun dua masalah-masalah yang boleh menimbulkan perasaan bencinya terhadap Kerajaan.

Saya baru balik daripada kempen pilihanraya, malangnya saya tidak mengatakan Ahli Yang Berhormat sendiri yang membuat kerja ini, tetapi banyak kempen-kempen itu bercorak negative, tidak menumpukan perhatian rakyat kepada peranan yang mereka sendiri boleh ambil untuk menukar nasib mereka sendiri, bahkan mereka pula dihasut dengan propaganda yang mengatakan: Kerajaan Barisan Nasional ataupun Kerajaan Campuran, bila mereka memerintah semua harga barang naik, harga getah kadang-kadang turun. Jadi kita tidak dapat development, kita tidak dapat apa-apa. Kerajaan ini tidak adil, tidak lagi memikirkan soal orang Iban, orang Bidayuh dan lain-lainnya. Ini saya tahu memang politik, tetapi politik ini ada bahayanya. Kalau benar pemimpin-pemimpin daripada pihak

SNAP jujur untuk membimbing orang Iban, orang Bidayuh dan orang-orang yang lain, yang malangnya tersibar dengan bilangan kecil di luar bandar di Negeri Sarawak, mereka tidak boleh menimbulkan satu sikap negative seperti yang telah berlaku bertahun-tahun.

Kalau benar-benar mereka jujur, ikut cara kami, bawa dan bimbing rakyat itu supaya tahu apakah sebenarnya issue development dan apa tugas mereka untuk menyokong langkah-langkah yang boleh mengubah nasib mereka sendiri? Saya tidak nampak pihak SNAP seorang pun berani mengambil sikap yang positif ini dan saya cabar mereka hari ini. Jangan bercakap sahaja di Dewan ini meletakkan segala kesalahan kepada pihak Kerajaan baik di peringkat Federal ataupun di peringkat Negeri.

Saya tahu ada banyak perbelanjaan Negeri Sarawak yang pada zahirnya dikritik oleh pihak Opposition sebagai membazir. Misalnya, meraikan Hari Ulang Tahun Kesepuluh Kemerdekaan Negeri Sarawak dalam Malaysia. Tetapi sambil mengkritik soal ini Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu telah bercakap tadi menyatakan bahawa Kerajaan mesti memberikan satu perasaan belonging to the nation kepada rakyat di Sarawak. Saya bersetuju, tetapi apa caranya? Ahli Yang Berhormat bercakap tiori sahaja, tetapi bila satu langkah yang diambil khas untuk menjalankan tujuan menimbulkan perasaan belonging to one nation itu dijalankan, maka dikritik pula: Oh! belanja besar-besaran buat celebration. Tujuan meraikan Hari Kemerdekaan Kesepuluh Sarawak dalam Malaysia dengan besar-besaran ialah untuk membabitkan rakyat dalam satu celebration yang besar menimbulkan perasaan mereka bahawa mereka itu orang sudah merdeka, bahawa mereka itu sudah member of one nation.

Banyak lagi criticism yang lain, misalnya, tidak disebutkan di sini, tetapi saya tahu parti Ahli Yang Berhormat telah berkata: Menteri-menteri menggunakan helikopter, membuang duit Kerajaan. Ini menyalahkan Kerajaan dengan tidak ada memandang mengapa orang terpaksa menggunakan helikopter di Negeri Sarawak. Ahli Yang Berhormat mahu Kerajaan memberikan perhatian berat kepada orang Iban atau orang-orang pendalaman, tetapi tidak ada

jalan kalau Menteri hendak pergi ke Kapit dengan cara conventional, satu minggu berulang-alik. Kalau hendak pergi Paku ataupun ke tempat Ahli Yang Berhormat di Saratok, berjalan kaki sampai 5 jam sahaja sudah cuba. Berapa letih Menteri, berapa kali sahaja Menteri dapat pergi melawat kawasan-kawasan Iban, Bidayuh dan lain-lainnya? Kalau kita mahu pembangunan itu meresap, kalau kita mahu Kerajaan memandang kepada keadaan orang-orang pendalaman ini, maka menggunakan helikopter itu adalah satu cara menjimatkan masa dan membahagikan masa supaya tidak tertumpu kepada orang dalam bandar sahaja, tetapi kita terus memperhatikan keadaan orang di luar bandar. Sebaliknya, saya fikir pihak-pihak SNAP patut menghargai (appreciate) soal-soal ini. Saya fikir kalau SNAP menjadi Kerajaan, mempunyai dynamic policy, dia tidak dapat mengelak soal menggunakan helikopter?

Tuan Edmund Langgu anak Saga (Saratok): Tuan Pengerusi, untuk penjelasan.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh! Ahli Yang Berhormat tidak bercakap tadi, oleh itu apakah yang hendak dijelaskan?

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Saya dukacita terpaksa menjawab, Tuan Pengerusi, kerana tone daripada speech Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu telah cuba hendak menggunakan Dewan ini untuk main politik Sarawak dan saya orang Sarawak terpaksa terbabit dalam soal ini.

Sekarang berbalik saya kepada soalan-soalan lain. Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, di sini saya ingin menyatakan bahawa soal squatters tidaklah diabaikan oleh Kerajaan. Kalau kita fikir capacity Kerajaan kita untuk mengatasi soal-soal squatters ini, maka saya fikir sekurang-kurangnya kita mengatakan the beginning has been made to solve the problem, tetapi malangnya Kuala Lumpur menarik orang banyak. Saya dengar rumah-rumah kilat bertambah banyak dalam Kuala Lumpur, kerana orang banyak datang. Tidak ada rate of construction yang dapat pada setakat ini to cope up with the problem atau bergerak secepat-cepatnya mengikut demand yang ada bagi orang yang berpindah dalam Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, soalan squatters sebelum tindakan diambil dahulu

telahpun didahului dengan study yang diambil oleh Kerajaan sendiri.

Saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar bahawa ada perhubungan (relationships) di antara crime dengan unemployment. Ini kita tidak dapat nafikan, tetapi tidaklah boleh kita mengatakan Kerajaan bersalah besar, kerana ada banyak jenayah-jenayah yang berlaku beberapa tahun ini. Sebenarnya saya fikir tahun 1973 adalah boom years dan dalam tahun 1973 saya fikir ada sedikit shortage of labour. Kalau orang hendak kerja di Kuala Lumpur pada tahun 1973 dan awal tahun ini mereka boleh mendapat \$5 atau \$6 senang sekali. Kalau keadaan unemployment sahaja boleh jadi excuse, mengapakah orang menjalankan jenayah? Saya fikir tidak ada jenayah dalam tahun 1973 tetapi oleh sebab ada jenayah dalam tahun 1973, saya fikir sebab-sebabnya bukanlah sejelas-jelasnya seperti berkaitan sentiasa dengan soal pengangguran. Soal hawkers ini pun telah disentuh oleh Kerajaan dan saya fikir Kementerian Kerajaan Tempatan telahpun mengambil beberapa tindakan yang saya dengar daripada beberapa orang kawan telah memberi kesan yang cukup baik, sungguhpun tidak semua baik.

Soal hawkers and small traders ini telahpun menjadi subject of study di bawah Pusat Pembangunan Malaysia dan study ini akan siap pada tahun baru.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga menyatakan bahawa kerja-kerja Public Complaint Bureau tidak diberi seranta (publicity) dengan cukup. Saya tidak tahu samada Ahli Yang Berhormat mempunyai tabiat mengikuti newspaper, radio dan lain-lain. Tetapi dalam tahun 1971 apakala Biro Pengaduan Awam ini dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah memberi publicity yang besar kepada Biro ini. Selepas itu banyak posters dan cara-cara publicity lain untuk risalah-risalah supaya orang dapat ketahui fasal soal Complaint Bureau ini. Yang anih sekali barangkali oleh sebab Ahli Yang Berhormat itu baru menjadi M.P. semua M.P. adalah menjadi agen kepada Complaint Bureau ini.

Pegawai-pegawai Daerah, Pegawai Pengerangan, O.C.P.D., Penghulu-penghulu, Garrison Commanders, Ahli-ahli States

Legislature, semua kita suka dijadikan agent-agent Complaint's Bureau ini. Tidaklah payah Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar bimbang bahawa peranan daripada pihak M.P. atau Opposition M.P.s akan ditolak oleh Bureau ini.

Berkenaan comment Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar meminta updating perangkaan Population Census, saya ingin memberitahu beliau bahawa ini sedang dibuat dan barangkali dalam tahun 1975 perkara ini akan siap sungguhpun census tahun 1970, readings ada dibahagi di dalam beberapa bahagian dan dikeluarkan sedikit sekali. Kita harap dapat mengeluarkan Population Census and Household Survey Findings dengan sehabis-habisnya pada tahun baharu.

Soal memberitahu semua aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Pusat Pembangunan Malaysia ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kepada Ahli Yang Berhormat dari Opposition, saya fikir ini bukanlah cara biasa bagi kita untuk memberikan semua lapuran Executive Bodies, details seperti itu kepada M.P. dan lain-lain, bukan kita tidak percaya, tetapi sebagai normal practice ini tidak dibuat.

Dalam beberapa seminar yang akan datang kalau tajuknya baik dan ada relevance dengan pengetahuan ataupun expertise daripada pihak-pihak M.P. walaupun dari pihak Kerajaan ataupun pihak Opposition, saya fikir tidaklah menjadi halangan bagi kita mengundang mereka supaya hadir bersama-sama. Saya harap forum itu tidak akan menjadi satu political forum. Kalau forum itu menjadi political forum maka tujuan utama seminar demikian mungkin akan terjejas kalau pihak-pihak politician daripada Opposition membuatnya dari segi forum political. Kalau tidak begitu, saya tidak ada halangan bagi penyertaan mereka.

Ada dua tiga orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi pandangan bahawa dengan tugas yang telah diberikan kepada Kementerian ini votenya sangat sedikit. Ini memanglah sengaja dibuatkan kerana kalau kita menjalankan perancangan dan penyelidikan dan ko-ordinasi, penasihatan dengan orang-orang lain kita tidak patut membuat kerja itu sendiri.

We should not do the job ourselves, the job that we comment. Kerana kalau itu

sistemnya ada banyak Kementerian, Executive Body itu tidaklah akan dapat berjalan dengan sempurna. Itulah sebab votenya tidak diminta banyak di bawah Kementerian ini.

Ahli Yang Berhormat dari Arau ada membangkitkan soal tanah yang tergadai. Saya fikir soal ini telahpun disentuh oleh Kerajaan dan satu committee ataupun jabatan telahpun ditubuhkan oleh Kerajaan supaya menolong orang dapat menebus balik tanah ini dengan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan. Saya fikir perkara ini telah berjalan dua tahun.

Soal orang-orang yang berkebun menggunakan tanah "Tuan Tanah" ini soal yang sangat kompleks. Kerajaan terpaksa mengkaji soal ini dengan lebih dalam kerana dengan mata kasar saya sendiri, saya sudah tahu kalau dibahagi semua tanah di Kedah dan di Perlis itu daripada landlord yang besar kepada petani barangkali tidak cukup memberi economic holding kepada petani-petani kita. Ini barangkali berkehendakkan banyak strategy yang berkaitan termasuk soal membawa orang pergi ke rancangan tanah tempat lain dan juga General Industrialisation Programme.

Mengenai General Industrialisation Programme untuk Baling seperti yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling tadi ini adalah menjadi tujuan Kerajaan. Salahnya lancaran pembangunan industries baharu sampai ke Sungai Petani. Perkembangan dari Pulau Pinang itu merebak ke Sungai Petani sahaja dahulu. Saya fikir barangkali pada masa akan datang akan sampai ke Baling juga seperti di tempat-tempat yang berdekatan. Strategy yang telah dijalankan oleh Kerajaan mengenai Kedah ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menghantar seorang pegawai daripada E.P.U. untuk menasihati cara-cara pembangunan di Negeri Kedah dan untuk berunding dengan Kerajaan Pulau Pinang, mencari jalan bagaimana kejayaan di Pulau Pinang itu dapat memberi faedah juga kepada Negeri-negeri Kedah dan Perak Utara dan saya harap Ahli Yang Berhormat dari Baling jangan putus asa bahawa saya katakan: Pajar sudah menyinsing, kita hanya menanti masa untuk melihat matahari benar-benar akan naik.

Ahli Yang Berhormat dari Jerai telah memberi banyak cadangan-cadangan dan

pandangan-pandangan yang sangat bernas, tetapi yang telah diberi oleh beliau satu tekanan ialah soal mengapa dalam keadaan Malaysia ini kepatuhan orang kepada agama telah sedikit terturun. Saya sendiri pun ingin hendak melihat apa sebabnya, tetapi terms of reference saya barangkali tidak dapat memberi kuasa kepada saya menyelidiki soal ini. Kalau soal agama belaka maka itu patutlah dijalankan oleh badan lain jikalau dia ada kaitan dengan soal pembangunan ataupun resistance to change resistance to development, maka baharulah saya boleh campur tangan. Sebenarnya berkaitan dengan soal itu kita telahpun menjalankan penyelidikan di Negeri Trengganu mengenai penghidupan kaum-kaum nelayan dan satu daripada pertanyaan yang kita beri ialah sikap mereka terhadap agama, sikap mereka terhadap Kerajaan, sikap mereka terhadap perubahan dan pembangunan dan saya rasa kalau religious ataupun sikap keagamaan itu ada kaitan dengan soal-soal pembangunan di satu-satu tempat baharulah saya dapat menyentuh soal itu.

Di sini juga saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Dungun bahawa kajian kita mengenai kaum-kaum nelayan di Trengganu baharu siap dan barangkali kalau beliau ingin hendak tahu bolehlah berjumpa saya tentang hal tersebut (detailnya) sesudah saya baca nanti lapurannya.

Soal penyelarasan Badan-badan Berkanun, sudah menjadi tanggungjawab khas oleh seorang Menteri iaitu Timbalan Perdana Menteri kita, saya fikir dasar ini, mengenai penyelarasan, mengenai sikap terhadap private sector bumiputra mestilah akan menjadi tajuk pemikiran dan penyiasatan oleh Kementerian yang berkenaan dan tidak payahlah saya menyentuh soal itu.

Soal penyertaan bumiputra memanglah soal yang sangat penting dan banyak Ahli Yang Berhormat telah bercakap atas soal ini. Saya hanya menyatakan bahawa penyelidikan yang kita jalankan bukanlah cukup lengkap kerana banyak lapangan yang ada hanya kita inginkan hendak memandu seminar-seminar untuk mencari jalan bagaimana pihak swasta, penyertaan bumiputra akan licin sedikit dengan penerimaan yang cukup ikhlas dengan kesedaran bahawa penyertaan bumiputra itu tidak akan merugikan dalam jangka panjang tetapi akan menguntungkan negara bagi memperkukuhkan negara kita dan patut dijalankan

atau ditolong oleh semua pihak bumiputra atau bukan bumiputra, pihak swasta atau pihak am, badan berkanun ataupun orang persendirian. Inilah sebabnya kita menjalankan seminar-seminar ini, tetapi saya mesti memberi penjelasan di sini, kita bukanlah supervise soal penyertaan. Kementerian ini tidak menyelia soal penyertaan bumiputra, kita hanya mencari jalan-jalan yang boleh menyenangkan konsep penyertaan bumiputra daripada semua pihak.

Tuan Pengerusi, banyak perkara-perkara lain telah ditimbulkan tetapi hanya merupakan pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan atas kesemuanya, saya ucapkan ribuan terima kasih, kerana Kementerian saya baru seperti saya katakan tadi dan akan beruntunglah daripada cadangan-cadangan yang bernas itu.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$516,535 untuk Kepala B. 13, \$10,862,500 untuk Kepala B. 14 dan \$978,600 untuk Kepala B. 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab urusan mustahak di luar Dewan, Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru tidaklah dapat hadir bersama pada hari ini, oleh itu saya menjemput Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar membentangkan Anggaran Perbelanjaan untuk Kementerian beliau di bawah Kepala B. 17, B. 18 dan juga Kepala P. 17.

Kepala B. 17 dan B. 18 (Jadual)—

Kepala P. 17 (Anggaran Pembangunan, 1975)—

5.14 ptg.

Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Pengerusi, rancangan-rancangan semata-mata hendak menyediakan makanan yang cukup sahaja bukanlah menjadi tujuan terakhir Kerajaan. Menyediakan makanan yang cukup hendaklah selari dengan usaha meninggikan lagi taraf hidup petani-petani dan nelayan-nelayan. Makanan yang cukup tidak bererti jika sekiranya petani-petani kita tertindas dan mempunyai taraf hidup rendah. Segala Jabatan-jabatan dan agensi-agensi

dalam Kementerian ini akan bergerak serentak sebagai satu pasukan bagi menghadapi masalah menambahkan pengeluaran makanan negara dan meninggikan taraf hidup petani-petani dan nelayan-nelayan dengan cara "integrated approach".

Sembilan juta rakyat yang tinggal di kawasan luar bandar mestilah dipimpin ke arah melahirkan masyarakat petani moden dengan membawa perubahan sikap, nilai-nilai hidup dan juga meninggikan taraf hidupnya sehingga dapat bersaing dengan masyarakat perindustrian di dalam bandar.

Banyak negara dalam dunia didapati di mana masyarakat tani sentiasa tertinggal di belakang. Saya berpendapat tidak ada sebab mengapa petani-petani dan nelayan-nelayan tidak boleh menikmati taraf hidup yang sama dengan masyarakat perindustrian di bandar-bandar. Walaupun Malaysia sedang bergerak menuju ke arah perindustrian pengeluaran barang-barang dengan hebat, tetapi Kerajaan sedar bahawa sebahagian besar ekonomi negara bergantung daripada sektor pertanian. Sektor pertanian akan menjadi lemah dan mati jika sekiranya Kerajaan semata-mata memperhitungkan hanya mendirikan kilang-kilang perusahaan sahaja dan ini akan mendedahkan negara menghadapi bahaya kelaparan. Dengan kesedaran inilah Kerajaan terus-menerus berusaha memajukan lagi sektor pertanian dengan peruntukan wang yang banyak.

Masalah pertama yang saya hendak perkatkan di sini ialah masalah padi ataupun beras. Dalam tahun 1973 kita telah dapat mengeluarkan sebanyak 1.27 million tan beras dan ini merupakan 82% daripada keperluan negara. Semenanjung Malaysia mengeluarkan sebanyak 1.1 million tan, Sabah 75,600 tan dan Sarawak 89,000 tan.

Dalam tahun yang sama, iaitu tahun 1973 kita telah mengimpot sebanyak 279,140 tan beras yang berharga \$200.7 juta. Ini bermakna bahawa dalam konteks self-sufficiency jika bilangan penduduk tidak bertambah sekalipun kita perlu menambah pengeluaran beras sebanyak 279,140 tan setahun. Tetapi oleh kerana bilangan penduduk di negara kita bertambah sebanyak kira-kira $\frac{1}{3}$ million orang pada tiap-tiap tahun dan ini bermakna bahawa banyaknya beras yang diperlukan untuk menampung pertambahan ini sahaja adalah kira-kira 40,000 tan setahun

beras kepada per capita consumption sebanyak 269 lb. setahun.

Dengan ringkasnya untuk mencapai kecukupan keperluan sendiri maka impot beras sebanyak 280,000 tan mengikut angka yang terdekat dalam tahun 1973 hendaklah juga ada pertambahan beras sebanyak 40,000 tan pada tiap-tiap tahun untuk memenuhi keperluan penduduk yang bertambah berasaskan kepada perkiraan ini, Tuan Pengerusi, dalam tahun 1980 iaitu tahun terakhir Rancangan Malaysia Ketiga jumlah pengeluaran beras hendaklah bertambah sebanyak 560,000 tan jika kita hendak mencapai kecukupan keperluan pada tahun itu. Dalam usaha ke arah ini Kementerian akan mengadakan rancangan jangka pendek dan rancangan jangka panjang.

Rancangan jangka pendek adalah untuk menambah pengeluaran satu-satu ekar dalam kawasan-kawasan yang sedang ditanam dengan padi dan rancangan jangka panjang adalah untuk membuka tanah-tanah baharu. Bagi maksud rancangan jangka pendek selain daripada mengadakan kemudahan-kemudahan kredit perkhidmatan perkembangan, benih-benih yang baik dan sebagainya, tumpuan adalah dalam mengadakan kemudahan-kemudahan perairan supaya dapat menambah pengeluaran padi dibanyakkan kawasan-kawasan padi sekarang ini daripada 200 gantang seekar kepada kira-kira 600 gantang seekar, jika ditanam sekali setahun dan 1,200 gantang seekar jika ditanam dua kali setahun.

Kementerian ini sedang membuat penyiasatan untuk menentukan:

- (a) Kawasan-kawasan padi yang belum diadakan kemudahan-kemudahan perairan.
- (b) Kawasan-kawasan padi yang belum lagi diberi kemudahan perairan, tetapi jika diadakan kemudahan itu akan membolehkan penanaman padi sekali atau dua kali setahun.
- (c) Kawasan-kawasan yang ada kemudahan perairan yang mungkin diterima ditanam dua kali setahun, jika ditambah kemudahan perairannya.

Adalah diharapkan bahawa sekurang-kurangnya 100,000 ekar tanah yang belum diadakan kemudahan perairan akan dapat diadakan kemudahan itu dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Adalah dijangkakan juga bahawa sebanyak 100,000 ekar tanah yang pada masa ini ditanam sekali setahun akan boleh ditanam dua kali setahun jika diadakan kemudahan-kemudahan perairan yang cukup.

Pada masa ini terdapat banyak perbezaan mengikut kadar hasil dalam pengeluaran padi di Negeri-negeri Semenanjung Malaysia dan di beberapa kawasan penanaman padi. Misalnya, tanaman padi musim utama 1974, pukl rata hasil seekar di kawasan MUDA adalah 620 gantang. Tetapi di Negeri-negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Selangor di mana jumlah 453,000 ekar ditanam pukl rata hasilnya adalah 560 gantang sahaja seekar. Pukl rata bagi 7 buah Negeri yang lain di mana sejumlah 463,000 ekar ditanam adalah hanya 376 gantang seekar. Memandangkan keadaan ini adalah perlu bagi usaha-usaha dijalankan untuk menambahkan hasil padi di Negeri-negeri dan kawasan-kawasan yang pada masa ini hasilnya tidak begitu tinggi.

Satu Badan Khas akan ditubuhkan untuk menyelidiki lebih teliti sebab-sebab kerendahan hasil ini. Matlamatnya ialah untuk menambahkan hasil sebanyak kira-kira 100 gantang seekar lagi, dan ini akan menyediakan tambahan sebanyak 70,000 tan beras tiap-tiap tahun mulai selewat-lewatnya pada tahun 1980, yakni matlamatnya ialah untuk mencapai kadar hasil 500 gantang seekar bagi semusim. Ini akan menjadikan perusahaannya padi sebagai satu kegiatan yang bercurak perusahaan. Kadar hasil tinggi seekar akan meninggikan pendapatan petani-petani.

Bagi rancangan jangka panjang pula iaitu membuka kawasan-kawasan padi baru, kawasan-kawasan yang sesuai telahpun dapat ditentukan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kawasan-kawasan tersebut adalah seperti yang dilaporkan oleh penyata-penyata yang dikeluarkan oleh Kementerian ini.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga seluas kira-kira 70,000 ekar tanah baru akan dibuka. Perlu dinyatakan iaitu membuka kawasan padi baru memerlukan sekurang-kurangnya 5 tahun untuk kawasan-kawasan itu dibersihkan, dan mengadakan infrastruktur yang diperlukan. Membuka tanah-tanah baru ini juga memerlukan perbelanjaan kira-kira \$5,000 seekar, iaitu \$2,000 untuk mengadakan kemudahan perairan dan jalan-jalan

ladang dan \$3,000 untuk membersihkan hutan, meratakan tanah dan menempatkan peserta-peserta termasuk mengadakan kemudahan-kemudahan yang berkaitan.

Di antara kawasan-kawasan padi baru yang hendak dibuka ini kawasan-kawasan Trans-Perak Peringkat IV nampaknya yang mungkin mendatangkan hasil yang cepat. Sebahagian daripada 20,000 ekar yang ada di situ sedang dimajukan dan akan siap untuk ditanam dalam masa 3 tahun lagi. Kerja-kerja bagi mengadakan infrastructure sudah pun dimulakan.

Daripada usaha-usaha jangka pendek dan jangka panjang yang dicadangkan bagi Rancangan Malaysia Ketiga ini, soalan akan timbul adakah kita akan dapat mencapai taraf self-sufficiency itu. Daripada angka-angka tadi 70,000 ekar kawasan padi baru akan dibuka, 100,000 ekar kawasan yang ada kemudahan perairan akan menjadi kawasan tanaman dua kali setahun, dan ini bermakna tambahan sebanyak 50,000 ekar padi tanaman dua kali setahun dan 100,000 ekar yang belum ada kemudahan perairan, tetapi akan ditanam sekali setahun yang ditaksirkan lebih kurang sama dengan 30,000 ekar tanah yang ditanam dua kali setahun.

Dari 150,000 ekar tanah padi yang ditanam dengan tanaman dua musim sejumlah 300,000 tan beras akan dikeluarkan. Sebanyak 70,000 tan beras selanjutnya sebagaimana yang diterangkan dalam ucapan saya sebentar tadi akan diperolehi dari penambahan hasil kawasan-kawasan padi yang sedia ada. Dengan itu dalam tahun 1980 pengeluaran beras tempatan akan bertambah sebanyak 370,000 tan.

Tuan Pengerusi, mengenai soal buah-buahan, sukaiah saya menyebutkan di sini, jumlah pengeluaran buah-buahan di Semenanjung Malaysia ditaksirkan sebanyak 765,000 tan setahun dengan luas kawasan kira-kira 170,800 ekar. Walaupun pengeluaran buah-buahan tempatan banyak, tetapi disebabkan attitude penduduk-penduduk masih menggunakan banyak buah-buahan impot, maka dalam tahun 1973 jumlah buah-buahan yang diimpot ke Semenanjung Malaysia termasuk buah-buahan mentah dan yang diproses berjumlah 44,000 tan, bernilai lebih kurang \$30 juta. Daripada jumlah tersebut lebih dari 75% ialah buah-buahan mentah termasuk sebanyak \$10 juta bagi impot berbagai jenis limau, apple, buah lai,

anggur dan lain-lain lagi. Buah-buahan tempatan boleh mengambil tempat buah-buahan yang diimpot ini jika penduduk-penduduk dapat menukarkan attitude bahkan buah-buahan boleh ditanam dengan tujuan perdagangan juga. Selain daripada pasaran dalam negeri terdapat pasaran di Singapura. Dalam tahun 1973 Singapura telah membeli buah-buahan daripada Semenanjung Malaysia bernilai kira-kira \$15 juta.

Tuan Pengerusi, berbeza dengan buah-buahan, tanaman sayur-sayuran adalah lebih teratur dan bercurak perdagangan. Di Semenanjung Malaysia luas kawasan tanaman sayur-sayuran berjumlah 21,360 ekar dalam tahun 1972. Sayur-sayuran tanah tinggi termasuk kobis, tomato, ubi kentang, salad dan daun sadri ditanam secara besar-besaran di Cameron Highlands, sementara jenis tanah rendah, kebanyakannya ditanam di kawasan-kawasan sekitar bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Ipoh.

Semenanjung Malaysia mengimpot sayur-sayuran bernilai \$51.7 juta pada tahun 1973. Daripada jumlah ini impot sayur-sayuran basah ialah \$30.4 juta. Sebaliknya eksport sayur-sayuran basah dari Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 52,636 tan bernilai \$10.8 juta. Ini bermakna Malaysia masih merupakan negara mengimpot sayur-sayuran basah.

Dalam tahun 1972 Semenanjung Malaysia mengeksport sayur-sayuran basah ke Singapura sebanyak 48,000 tan bernilai \$8.05 juta, dan dianggarkan 80% daripada jumlah tersebut adalah dari Negeri Johor.

Keperluan tempatan dan pasaran yang besar di Singapura juga masa ini merupakan satu insentif untuk memperbaiki perusahaan sayur-sayuran di negara ini, tetapi usaha ini juga mempunyai berbagai masalah. Sayur-sayuran mudah busuk dan juga tertakluk kepada keadaan yang tidak tetap, dan ini mengakibatkan pendapatan tidak setabil bagi petani-petani. Keluasan kebun sayur-sayuran adalah kecil-kecil dan berselerak menyebabkan sukar untuk mengaturkan satu sistem pemasaran yang cekap dan berkesan.

Selain daripada itu, pengeluaran yang bermusim dan berbagai-bagai jenis pada satu-satu masa, menyebabkan selalu terdapat sayur-sayuran yang berlebihan dan di pasaran dan seterusnya menyebabkan turunnya harga

sayur-sayuran itu. Kementerian ini sedang mengaturkan supaya penanaman sayur yang lebih teratur berserta dengan pasarannya dapat diadakan.

Mengenai penanaman kelapa, saya suka menyebutkan bahawa harga kelapa kering telah naik sehingga \$80 sepikul dalam tahun 1973 dan beberapa bulan dalam tahun 1974, tetapi harga ini telah turun sehingga kurang dari \$50 sepikul mulai akhir bulan November, 1974. Kira-kira 80% dari pengeluaran kelapa Semenanjung Malaysia dijadikan kelapa kering dan kebanyakan dari pengeluaran ini digunakan untuk perusahaan perkilangan minyak. 2/3 dari hasil minyak yang dikeluarkan adalah untuk kegunaan tempatan sementara bakinya diekspot. Semenanjung Malaysia mengeksport 25,000 tan minyak kelapa setahun dan ada kira-kira 70 buah kilang minyak di kawasan penanaman kelapa dan berhampiran dengan pelabuhan utama. Perkilangan minyak kelapa adalah salah satu perusahaan berasaskan pertanian yang penting di negara ini. Adalah dianggarkan bahawa seluas 775,000 ekar ditanam dengan kelapa di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Kira-kira 90% dari kawasan kelapa ini adalah kebun-kebun kecil dan mengikut keadaan biasa pendapatan kebun-kebun kecil ini adalah terlalu rendah, purata \$100 sebulan. Terdapat beberapa langkah yang boleh diambil untuk meninggikan pendapatan pekebun-pekebun kecil kelapa ini. Pendapatan mereka akan berlipat-ganda jika mereka menanam koko lain-lain tanaman selingan dengan kelapa, menggunakan baja, memotong rumput-rumput dalam kebun dan memperbaiki saliran. Selain dari itu, cara pemasaran yang baik boleh juga menentukan usaha ke arah ini seperti yang dilaksanakan oleh FAMA pada hari ini.

Di bawah Rancangan Tanam Semula dan Pemulihan Semula Kelapa yang telah dimulakan dalam tahun 1963, sejumlah 74,200 ekar atau 15% dari pekebun-pekebun kecil di Semenanjung Malaysia telah ditanam semula atau dipulihkan. Dalam tahun 1972/1973 satu kajian telah dijalankan di Hilir Perak untuk membandingkan kadar hasil di antara peserta dan bukan peserta rancangan. Kajian ini menunjukkan iaitu purata hasil bagi peserta adalah 30% lebih tinggi dari mereka yang bukan peserta rancangan. Mengikut Rancangan Malaysia Kedua 10,000 ekar akan ditanam semula atau dipulihkan semula tiap-tiap tahun, tetapi memandang sambutan

yang begitu menggalakkan telah diputuskan iaitu 12,000 ekar akan ditanam semula atau dipulihkan pada tiap-tiap tahun.

Berkenaan dengan ternakan, kita telah mengeluarkan cukup telur, ayam, daging dan babi daging, tetapi lembu-kerbau untuk daging kita hanya mengeluarkan 89% daripada keperluan kita iaitu 32 juta paun berbanding dengan 36 juta paun keperluan. Kambing daging 30% iaitu 3 juta paun berbanding dengan 9 juta paun yang diperlukan, dan susu hanya 6% iaitu 4 juta gelen berbanding dengan 71 juta gelen yang diperlukan.

Satu daripada sebab-sebab kekurangan lembu dan kekurangan kerbau ialah kerana di kawasan-kawasan padi tanaman dua kali setahun, trektor-trektor telah terpaksa digunakan untuk membajak dan dengan itu tidaklah lagi menjadi kawasan-kawasan di mana terdapat banyak kerbau-lembu. Per capita consumption adalah seperti yang selalu saya sebutkan yang dikehendaki oleh tiap-tiap seorang rakyat di negeri ini. Adalah dianggarkan bahawa di dalam tahun 1985 kita akan memerlukan 58 juta paun lembu daging setahun, 103 juta gelen susu dan 15 juta paun kambing daging. Ini berasaskan pada per capita consumption sebanyak 7.3 paun lembu daging dan 7.8 gelen susu dan 7.8 paun kambing daging.

MAJUTERNAK pada masa ini sedang membuka 7 ladang pembiakan lembu. Tiap-tiap satu ladang itu luasnya 2,500 ekar dan boleh menampung 2,500 ekor lembu. Pada penghujung tahun 1976 dianggarkan ladang-ladang ini akan mempunyai 17,000 ekor lembu. Tetapi jika rancangan ini sahaja diikuti sumbangan MAJUTERNAK dalam mengeluarkan lembu daging tiap-tiap tahun tidaklah mencukupi, kerana dalam tahun 1985 umpamanya MAJUTERNAK hanya akan dapat mengeluarkan 4 juta paun sedangkan keperluan kita pada masa itu adalah sebanyak 58 juta paun. Oleh sebab itu, Kerajaan adalah menyeru supaya private sector juga mengambil bahagian bersama-sama dalam perusahaan mengeluarkan daging untuk makanan negara.

Perkara pengeluaran ini sedang dikaji oleh badan petugas penternak. Jika kita hendak mencapai taraf self-sufficiency dalam tahun 1990 kita terpaksa mengimpot sebanyak 15,000 ekor lembu baka baik pada tiap-tiap tahun selama 8 tahun. Meluaskan

kemudahan-kemudahan permanian beradas, memulakan ternakan lembu secara teratur dalam ladang-ladang kelapa, getah dan kelapa sawit, serta meluaskan lagi programme latihan bagi petani-petani dan pegawai-pegawai pembangunan.

Berkenaan dengan telur dan ayam daging, stratijinya ialah untuk mengurangkan belanja pengeluaran. Ini memerlukan makanan ayam yang lebih murah dan cara memelihara serta menggunakan teknik-teknik yang lebih moden.

Satu lagi stratiji ialah menggalakkan integrated poultry production dan processing plant yang memerlukan pekerja-pekerja yang terlatih, pengurusan yang lebih baik dan pemasaran yang lebih efficient. Kementerian sedang mengkaji masalaah makanan ternakan (animal feed). Item terbesar dalam makanan ternakan ini adalah jagung, dedak padi, hampas kelapa, kacang soya dan kacang tanah. Jagung diimport dari Thailand sebanyak lebih kurang 70,000 tan setahun berharga \$40 juta. Pada masa ini kita mengeluarkan sedikit sahaja jagung dan boleh dikatakan tidak ada yang digunakan untuk animal feed. Hasil-hasil penyelidikan menunjukkan bahawa kita boleh mengeluarkan banyak jagung dan sorghum untuk makanan binatang-binatang ternakan. Pada masa ini pun Malaysia mengimport sebanyak \$93 juta harga barang-barang makanan binatang ke Malaysia, dan Kementerian ini akan berusaha untuk mengadakan makanan binatang yang cukup supaya kita dapat menyelamatkan pertukaran wang luar negeri sebanyak yang saya sebutkan itu.

Tuan Pengerusi, mengenai perikanan, jumlah pendaratan ikan dalam tahun 1973 adalah lebih kurang 410,000 tan. Ini adalah cukup bukan sahaja untuk keperluan negara, tetapi juga untuk diekspot. Dalam tahun lalu eksport berjumlah 125,354 tan bernilai \$176.1 juta. Walau bagaimanapun, kita ada juga mengimport sebanyak 72,692 tan ikan basah dan ikan dalam tin bernilai \$55,490,000 dalam tahun yang sama. Ini adalah disebabkan oleh bertambahnya jumlah penduduk negara. Sungguhpun pendaratan ikan semakin bertambah dan cukup untuk pengeluaran di masa ini, tetapi aliran peratus pertambahan penduduk menyebabkan jumlah ikan di laut telah berkurangan daripada 10% dalam jangka masa Rancangan Malaysia Pertama pada 8% dalam

3 tahun pertama Rancangan Malaysia Kedua. Ini adalah kerana sumber ikan di kawasan pantai (inshore) telah diusahakan berlebih-lebihan, terutamanya di kawasan pantai barat Semenanjung. Kiranya percentage increase ini hendak dinaikkan kita perlu mengusahakan kawasan-kawasan sumber ikan yang baru seperti tangkapan ikan di lautan dalam (deep sea fishing), memajukan kaedah-kaedah penangkapan ikan yang baru seperti perusahaan pukat jerut, bot serbaguna serta ternakan ikan (aquaculture) di tepi-tepi pantai, ternakan ikan air tawar dan sebagainya.

Dalam bidang penangkapan ikan di lautan dalam kita perlu memikirkan dengan serious terutama sekali di kawasan Lautan China Selatan (South China Sea), kerana jika tidak kita akan ketinggalan dari negara-negara lain yang akan mengusahakan sumber yang ada itu. Perusahaan ini memerlukan bot-bot perikanan yang lebih besar dan keadaan yang lebih sophisticated dan mungkin memerlukan usaha-usaha bersama dengan pihak asing umpamanya dengan Thailand dan Korea Selatan.

Tuan Pengerusi, secara ringkas saya suka menyebutkan bahawa Jabatan-jabatan dan agensi-agensi dalam Kementerian ini yang akan digerakkan dalam tahun 1975 adalah sebagai berikut:

FAMA memerlukan peruntukan Belanja Mengurus sebanyak \$3,937,000 dan Belanja Pembangunan \$1,673,000. Satu perkembangan baru FAMA tahun hadapan ialah pelaksanaan rancangan mendirikan pusat-pusat pemasaran untuk hasil-hasil pertanian. Kerja-kerja perkembangan akan diperluaskan dengan menganjurkan rancangan kemajuan kawasan (area development) bagi membolehkan Lembaga ini membimbing petani-petani mengadakan penyelarasan rapat di antara pertanian dan pemasaran, FAMA juga akan membina pusat memproses dan memperingkat lada hitam, jagung, kelapa, koko, kacang tanah di beberapa buah negeri.

MARDI memerlukan peruntukan Belanja Mengurus sebanyak \$15,244,000 dan Anggaran Pembangunan \$4,622,000 bagi meneruskan dan mengembangkan kerja-kerja penyelidikannya yang meliputi hampir semua tanaman, ternakan, ikan air tawar, kawalan penyakit dan musuh, gantian bahan import dan memperbaiki mutu eksport.

MADA akan dibekalkan dengan peruntukan sebanyak \$5,641,000 bagi belanja mengurus. Kemajuan MADA dalam usaha membaiki taraf hidup petani-petani bolehlah ditinjau dengan bertambahnya keluasan kawasan dan hasil padi. Usaha mempelbagai-punca pendapatan petani sedang diusahakan, seperti menternak ayam secara besar-besaran, perusahaan bercorakkan pertanian seperti membuat "softboard" dan kertas dari jerami dan membuat kasut untuk diekspot. Perusahaan kasut ini telah berjalan dan memberi peluang kerja kepada 400 orang yang akan bertambah kepada 700 orang bila berjalan dengan sepenuhnya.

MAJUTERNAK pula akan dibekalkan dengan peruntukan belanja mengurus sebanyak \$4,962,900 dan belanja pembangunan \$8,718,880 dalam usahanya membuka ladang-ladang ternakan, membiakkan ternakan untuk daging dan susu, mengambil alih rumah-rumah sembelih, membina yang baru dan mengendalikan pemasaran daging dengan harga yang berpatutan.

Peruntukan belanja mengurus sebanyak \$1,346,000 dan belanja pembangunan \$4,498,989 akan dibekalkan kepada MAJUIKAN. Belanja mengurus MAJUIKAN membiayai kegiatan-kegiatan pentadbiran, perancangan dan penyelidikan projek, pelaksanaan projek dan pemasaran. Tiga kegiatan utama berupa kegiatan perkhidmatan untuk membantu sektor perikanan khususnya nelayan-nelayan. Kegiatan pemasaran menggalakkan pemasaran yang cekap dan berkesan melalui pengawasan aktiviti-aktiviti peniaga-peniaga ikan, pengurusan kompleks-kompleks perikanan dan menggalakkan perkembangan saluran-saluran pemasaran ikan bagi faedah nelayan-nelayan.

Tuan Pengerusi, KADA memerlukan peruntukan belanja mengurus berjumlah \$4,198,500. Di kawasan KADA, keluasan tanah sawah yang mendapat kemudahan taliair untuk tanaman padi musim ialah 78,660 ekar. Kemudahan rancangan-rancangan perkembangan dan latihan, pembekalan benih padi bermutu, teknik penanaman lebih berkesan, kemudahan kredit akan diteruskan.

Lembaga Pertubuhan Peladang memerlukan peruntukan belanja mengurus berjumlah \$2,600,000 dan belanja pembangunan berjumlah \$9 juta bagi meneruskan kegiatan-kegiatan.

Bahagian Pertanian Kementerian ini memerlukan peruntukan belanja mengurus berjumlah \$61,826,500 dan perpelanjaan pembangunan berjumlah \$27,614,785. Dari jumlah belanja mengurus itu \$50 juta ialah untuk membeli baja urea di bawah rancangan subsidi baja. Bahagian Pertanian melalui lapan buah cawangannya akan terus memenuhi peranannya mengisi Dasar Ekonomi Baru negara. Di Sarawak rancangan bantuan lada hitam memerlukan peruntukan \$6 juta, mempelbagai pertanian \$3.5 juta, penyelidikan pertanian \$1,033,682. Sabah memerlukan peruntukan pembangunan berjumlah \$4.6 juta bagi meneruskan projek-projek pembangunannya.

Bahagian Parit dan Taliair memerlukan peruntukan belanja mengurus sebanyak \$3,622,000 dan pembangunan berjumlah \$75 juta bagi menyiapkan pelaksanaan rancangan-rancangan pengairan, parit, haideroloji dan rancangan mencegah banjir untuk mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan kejuruteraan dan infrastruktur bagi kemajuan yang teratur, pengurusan dan pengawalan punca-punca air dan pertanian negara.

Rancangan mencegah banjir bagi Ibu Kota Persekutuan sedang pesat berjalan dan pelan-pelan rekabentuk sedang disediakan. Dalam lapangan haideroloji pula, rancangan-rancangan memperluas dan meninggikan mutu akan terus berjalan dalam tahun 1975.

Belanja mengurus berjumlah \$6,744,900 dan pembangunan berjumlah \$6,312,227 diperlukan oleh Bahagian Haiwan. Rancangan-rancangan pembahagian ternakan atau sistem pawah akan terus dilaksanakan. Rancangan memperluaskan pusat-pusat ternakan, institut-institut penyelidikan kesihatan dan memajukan padang ragut akan diteruskan. Rancangan perikanan beradas akan diperhebatkan di mana baka-baka baik dari luar negeri akan terus diimpot dan dibiakkan.

Bahagian Perikanan memerlukan peruntukan belanja mengurus berjumlah \$5.7 juta dan pembangunan sebanyak \$7.6 juta. Pembinaan kapal-kapal penguatkuasa, penyelidikan dan latihan akan diteruskan. Penyelidikan sumber-sumber ikan dasar laut akan dijalankan. Beberapa kemudahan asas seperti kompleks pelabuhan ikan, jeti-jeti dan lampu isyarat dijangka boleh digunakan tahun hadapan.

Peruntukan belanja mengurus bagi Bahagian Pembangunan Luar Bandar, tidak termasuk Lembaga Persatuan Peladang, berjumlah \$7.1 juta dan perbelanjaan pembangunan (juga tanpa L.P.P.) berjumlah \$248,020. Sebuah Taman Latihan Wanita di Kuantan sedang dalam rancangan. Sebuah Pusat Latihan Kemajuan Desa di Bangi Selangor akan dimulakan pembinaannya tahun depan dan apabila siap dapat meluaskan latihan kepada pemimpin-pemimpin masyarakat di luar bandar.

Jabatan Koperasi memerlukan belanja mengurus sebanyak \$4,991,800. Sungguhpun kegiatan Koperasi yang bercorak pertanian telah menjadi tanggungjawab L.P.P. namun demikian tidaklah bermakna yang tugas Jabatan Koperasi telah menjadi lebih ringan. Jabatan Koperasi telah menceburkan diri dengan berkesan dalam masalah pengguna-pengguna menghadapi inflasi, perumahan, industri dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, dengan keterangan-keterangan ini, saya mohon peruntukan berjumlah \$276,999,735 belanja mengurus dan pembangunan di bawah Kepala B. 17, B. 18 dan P. 17 diluluskan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

5.46 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Pengerusi, saya berdiri menyokong peruntukan bagi Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar yang berjumlah \$276 juta lebih.

Setelah mendengar keterangan daripada Yang Berhormat Menteri tadi, sesungguhnya nampak kepada kita suatu kemajuan pertanian yang besar dalam jangka pendek dan jangka panjang dengan tujuan hendak melengkapkan Malaysia dengan bahan-bahan makanan yang bukan sahaja cukup tetapi lebih daripada mewah, sekiranya apa yang dirancang itu benar berjaya. Apa yang saya khuatirkan, biasanya rancangan-rancangan kita yang terletak di atas kertas dan membayangkan hasrat yang begitu tinggi kepada rakyat, tetapi bila sampai kepada satu masa lain, maka kita akan diberitahu bahawa rancangan itu setengahnya dibatalkan dan setengahnya mungkin tidak dapat dijalankan.

Dahulu kita telah mengalami iaitu sewaktu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj memimpin dan menjadi Perdana Menteri Malaysia, pernah diistiharkan akan membuka 250,000 ekar tanah di Sarawak untuk tanaman padi. Sedap hati rakyat dan barangkali kalau berjaya rancangan itu yang hampir 10 tahun dahulu maka tentulah hari ini kita mewah. Tetapi malangnya, hingga hari ini tidak ada rancangan itu. Kita mendengar daripada pakar-pakar pertanian, penyelidikan, kononnya tanah di situ tidak sesuai. Tidak sesuai mengapa? Ini barangkali ada kaitannya dengan politik. Boleh jadi pada masa itu Yang Teramat Mulia Tunku mengatakan bahawa orang-orang yang hendak bekerja di tanah yang seluas 250,000 ekar itu ialah orang-orang daripada Indonesia, maka dengan tidak semena-mena kita mendengar tanah di situ tidak sesuai.

Saya memberi contoh ini supaya pada masa akan datang tidak berlaku lagi rancangan yang dibuat oleh Menteri tadi, iaitu kalau sekiranya rancangan itu boleh menguntungkan ramai orang-orang bumiputra di luar bandar yang boleh hidup mewah, yang agak setanding dengan orang-orang lain di dalam bandar atau dengan orang lain yang bercucuk tanam, maka akan ada pakar-pakar mengatakan di kawasan itu pun tidak sesuai untuk membolehkan satu puak pembolot pasaran ataupun kemewahan pertanian di situ. Saya harap perkara ini tidak terjadi dalam hal hendak menjadikan di luar bandar suatu latihan supaya pertanian kita menjadi suatu pertanian yang moden.

Saya suka menyentuh berkenaan dengan Pertubuhan Peladang. Ini sangatlah baik dan kita patut memberi pujian kepada Kementerian ini yang telah menubuhkan Pertubuhan Peladang, melatih orang-orang di luar bandar menjadi peladang yang moden dengan memberikan hak-hak seperti perusahaan dan perniagaan, umpamanya, memberikan baja dan lain-lain kepada Pertubuhan Peladang. Saya berharap di masa akan datang sebenar-benarnya Kementerian ini, bukan sahaja melatih pertubuhan peladang ini sebagai satu badan yang hanya memberikan baja ataupun memberikan benih dan sebagainya kepada petani, tetapi sebenarnya hendaklah melengkapkan mereka itu dengan pengetahuan petani moden, memberi latihan yang cukup dan menjadikan pertubuhan peladang itu sebenar-benarnya agen perusahaan pertanian

di luar bandar. Beri mereka modal besar supaya mereka boleh menjadi agen yang boleh membekal ataupun mengeluarkan bahan-bahan pertanian di luar bandar supaya dapatlah mereka itu bukan sahaja menjadi seorang petani, tetapi menjadi seorang pengusaha, menjadi seorang saudagar di luar bandar yang berniaga, baja, benih dan berbagai-bagai perusahaan.

Barangkali, mendirikan kilang makanan di luar bandar boleh dibawa persatuan peladang ke dalam rancangan itu supaya apa yang diusahakan oleh peladang, bukan sahaja mereka menjual, tetapi mereka boleh mendirikan kilang dan merasai keuntungan daripada kilang. Dengan cara macam ini, mereka terasa titik peluh yang mereka keluarkan itu boleh mendapat nikmat yang lebih, bukan hanya setakat tanam padi dapat hasil, kemudian dia berhenti. Saya minta Kementerian ini memikirkan latihan-latihan yang seumpama itu, benar-benar menjadikan persatuan peladang itu persatuan peladang moden, dengan tidak mengira kaum, bukan saya tujukan kepada bumiputra sahaja. Kalau boleh seluruh petani-petani kita di luar bandar disatukan dalam sebuah pertubuhan peladang yang besar, baik dia peladang daripada kaum China, Melayu atau India. Jadikan pertubuhan peladang yang besar, semua sekali hasil perusahaan di luar bandar dijaga oleh satu persatuan peladang. Jadi, tidak ada perkauman dalam pertanian, tidak ada perkauman dalam mengalirkan hasil-hasil. Apa yang terjadi sekarang menyedihkan kita, seolah-olah mengalirkan hasil di luar bandar ini pun dikontrol oleh orang-tengah, oleh suatu kaum yang menyebabkan satu kaum yang lain yang tidak dapat pasaran barangnya itu terasa keciwa dalam pertanian.

Saya rasa tidak menjadi salah kalau Menteri minta dalam Dewan ini belanja yang banyak untuk memodenkan petani kita melalui pertubuhan peladang supaya benar-benar menjadi pertubuhan peladang yang termoden bukan sahaja agen menjual baja atau sebagainya, tetapi dilengkapi dengan jentera-jentera moden, dengan pemikiran moden dengan latihan, hantar mereka ke sekolah pertanian yang besar di luar negeri, untuk menguruskan persatuan peladang, menguruskan harta-benda, menjalankan perniagaan yang besar, menjalankan kilang-kilang dan sebagainya.

Yang kedua, saya sentuh juga berkenaan dengan pembangunan masyarakat di luar bandar yang ada kaitannya dengan kemajuan, terutamanya bumiputra bahagian kelas pembangunan masyarakat. Kalau boleh kelas pembangunan masyarakat itu—memang kita tahu tak ada lagi pembasmian buta huruf iaitu dilatih dalam kelas latihan kerja, memberi latihan teknikal, latihan membaiki enjin sedikit sebanyak jahitan dan sebagainya—tetapi malangnya kita tahu bahawa tidak ada follow-up kepada pelajar-pelajar yang telah mendapat ilmu ini.

Mereka sudah belajar bertahun-tahun pandai membetulkan motosikal, kadang-kadang enjin motokar, tetapi tidak tahu ke mana dia hendak pergi hendak bawa ilmunya, hendak buka kedai tak ada wang, tak ada rumah, minta dengan Kerajaan, Kerajaan kata tak boleh beri bantuan, awak carilah wang sendiri. Barangkali, hari ini kalau kita tengok sudah begitu banyak workshop didirikan oleh kelas latihan kerja, tetapi tidak ada sebuah workshop orang Melayu yang benar-benar boleh pindah daripada kampung ke bandar yang boleh mengambil sedikit kerja-kerja membetulkan basikal, scooter dan enjin motokar. Padahal mereka ini dilatih bertahun-tahun dalam kelas seumpama ini. Setengah mereka pandai, tetapi tak ada kemampuan dari segi modal, dari segi galakan dan dari segi bantuan lain. Saya harap pihak Kementerian menyediakan modal sekurang-kurangnya \$1 juta untuk membuat satu kerja follow-up kepada pelajar-pelajar di kelas-kelas latihan kerja ini supaya mereka itu boleh berdiri di atas kaki sendiri di masa akan datang. Jika kelas ini maju mereka boleh mengembalikan wang itu kepada Kerajaan. Apa yang kita buat bertahun-tahun melatih mereka itu membazir ataupun melepaskan batuk di tangga sahaja. Ini juga ada kaitan dalam menolong bumiputra dalam latihan perusahaan dan perniagaan di luar bandar. Saya ingat pihak Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar dapat menjalankan inisiatif ini dengan lebih luas lagi.

Berkaitan dengan FAMA mengadakan pasaran. Saya sudah sebut juga dahulu dan sukacita mendengar Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan bahawa FAMA akan meluaskan aktiviti, bukan sahaja kepada padi dan beras ataupun daging, termasuklah ikan dan akan datang mungkin

hasil tanaman. Saya berharap bahawa sebenarnya Kementerian ini akan menggunakan FAMA sebagai satu badan yang benar-benar boleh mengawal semua hasil-hasil di luar bandar dari segi pertanian. Orang-orang di luar bandar, terutama bumiputra bukan mereka tidak mahu mengusahakan tanah mereka. Bukan mereka malas, tetapi mereka sedar sesudah banyak menanam hasil tanaman, mereka tak tahu hendak pasarkan barang, tak ada orang hendak menerima pasaran barang-barang itu. Ini patut difikirkan oleh FAMA dengan seberapa segera yang boleh. Dalam Dewan ini, kita dengar rancangan begitu besar, makanan banyak, hasil tanaman di luar bandar akan banyak, tetapi siapa yang hendak menerima pasaran ini? Ahli-ahli perniagaan yang bukan bumiputra, kita bercakap dan kita nampak bahawa mereka boleh tolong kaumnya, sebab mereka berjual dalam pasar di bandar, mereka pergi ambil di kampung bawa ke pasar-pasar dijual, tetapi orang bumiputra di mana dia hendak pasarkan nenas, timun, betik dan sebagainya. Orang lain tak mahu ambil. Jadi kalau tak mahu ambil sia-sia kita menggalakkan mereka bercucuk tanam. Boleh jadi satu masa besok mereka buang sahaja hasil-hasil sayuran ini dan beritahu dengan anak-cucunya tak usahlah bertanam, hasil kita tak boleh sampai kemana-mana dan terbuang sahaja, sebab cara pentadbiran pasaran kita ataupun tanaman kita hari ini berat sebelah.

Jadi, saya harap pihak FAMA mengambil tindakan betul-betul tegas kalau boleh buat macam dibuatkan pada padi, melepaskan orang-orang kampung itu daripada siksaan orang-tengah yang membeli padi dan beras dengan sewenang-wenangnya, hari ini dapat diselamatkan harga padi mereka dengan stable. Kalau \$18 mereka jual dengan harga \$18.

Begitu juga dengan ikan, dapat kita melihat setengah-setengah tempat yang ada MAJUIKAN, harga ikan dapat dikawal dan penjual-penjual ikan di pasar dapat harga yang sama. Begitu juga MAJUTERNAK daging dapat dikawal. Siapa hendak menjual daging dengan satu harga, yang mengambil daging hendak dijual ke pasar dengan satu harga, tak kira dia Melayu, tak kira dia China. Jadi orang boleh berniaga dengan bebasnya, tetapi sebelum ini apa terjadi kepada pasar-pasar ini. Oleh itu, orang bumiputra tidak ada harapan boleh berniaga

daging. Barangkali mereka hendak mengambil daging di tempat menyembelih mereka dikenakan harga yang lebih, tetapi orang lain dikenakan harga yang kurang. Apabila dijual di pasar harga kita lebih, harga orang lain kurang, tentulah daging kita tak laku.

Saya harap dalam hal ini pihak Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar memandang serious kalau sekiranya hendak sesuai dengan rancangan besar-besaran dalam jangka pendek ataupun jangka panjang membanyakkan hasil dalam negara kita, maka pasaran inilah yang wajib diperbetulkan dahulu. Kalau sekiranya pasaran ini tempang saya rasa pengeluaran hasil di luar bandar pun akan tempang dan barangkali ada setengah-setengah tempat yang gagal. Oleh sebab itu, dalam ucapan saya dahulu saya pernah mengesyorkan supaya diadakan MAJUTANAM termasuk buah-buahan. Maknanya adakan pasaran tanaman yang dikontrol betul-betul oleh FAMA supaya tidak lagi hasil tanaman kita seperti sayur dan sebagainya dimainkan oleh orang-tengah. Mereka pergi ke kampung mengikut suka hati meletakkan harga barang, kadang-kadang hasil bumiputra seperti timun diambil 4 sen, kacang 5 sen dan sebagainya. Inilah yang saya minta supaya diberi perhatian yang berat dalam hal membanyakkan rancangan khasnya di luar bandar.

Dalam perkara kaum nelayan dan MAJUIKAN, kita nampak kaum nelayan terutama bumiputra semuanya tertindas dan hanya menjadi alat kepada orang. Barangkali berpuluh-puluh ribu nelayan kita yang menjadi alat kepada orang dengan menggunakan tenaganya, titik-pelohnya pergi ke laut menangkap ikan dengan diberi upah barangkali entah berapa ringgit sehari. Semua ikan dalam perahu adalah hak orang. Perahu hak orang lain, pukut orang lain, pancing kepunyaan orang lain dan apabila sampai ke darat menjadi harta orang lain, tetapi seharian mereka pergi ke laut dengan titik-peloh, dengan tenaga yang amat terok tanpa mendapat apa-apa keuntungan, barangkali setengahnya mendapat 50 sen hingga 60 sen sehari, terutama sekali nelayan-nelayan di Pantai Timur oleh sebab inipun ada kaitan juga dengan pasaran ikan.

Dengan sebab pasaran ikan tidak ada dikontrol oleh sebahagian orang bumiputra atau oleh Kerajaan atau oleh FAMA dari dahulu, jadi orang-orang bumiputra yang

menangkap ikan dia rasa sia-sia sahaja dia pergi menangkap ikan berpuluh ratus pikul, kerana apabila balik tak ada orang yang hendak mengambil ikannya di darat, tidak ada taukeh hendak membawa ikan itu dan membahagi-bahagikan ikan itu di pasar. Kalau ada FAMA mengkontrol dalam hal ini, saya rasa sesiapa juga yang membawa ikan daripada laut ada harganya, tak kira dia itu nelayan orang China, orang India atau orang Melayu dan kalau sesiapa yang hendak mengambil runcit, hendak menjual ke pasar maka harganya adalah sama. Dengan cara ini saya rasa barulah nelayan-nelayan itu tidak lagi tertindas oleh satu puak orang tengah yang mengambil hasil titik-peloh nelayan itu sendiri.

Yang Berhormat Menteri pun sedar juga berkenaan dengan sebahagian pasar ikan kita dikontrol di Singapura seperti pernah berlaku di Johor. Ikan kita daripada Malaysia dibawa ke Singapura, kemudian Singapura jual balik ikan-ikan itu kepada kita. Inipun satu jenis pasaran yang patut diambil berat oleh pihak MAJUIKAN mengapa boleh jadi begitu. Mengapa ikan kita dibawa ke negeri orang lain? Kemudian pagi esok orang Singapura menjual kepada kita dengan harga yang mahal, kadang-kadang di pasar kita tidak ada ikan. Inilah permainan-permainan orang-tengah, saudagar-saudagar yang berkehendakkan kekayaan yang patut diambil berat oleh Kerajaan supaya pasaran yang seumpama ini tidak terjadi kepada ikan di negeri kita. Kalau dia hendak berniaga ikan, Singapura itu sendiri mesti membeli ikan daripada kita berapa banyak untuk hendak memberi makan kepada rakyatnya, bukan diambil ikan kita dan dibawa ke Singapura, kemudian pagi esok menyeberangi causeway dijual kepada kita dengan harga yang mahal. Pasaran ikan kita tergantung kepada mereka juga. Pada masa akan datang apabila kita kontrol pasaran jika mereka hendak membeli ikan untuk rakyatnya, mestilah dibeli daripada kita secukup mana yang mereka hendak dan tidak mesti pula kita beli daripada mereka ikan kita. Ini juga saya harap mendapat perhatian yang berat daripada pihak FAMA atau MAJUIKAN yang hendak menjaga pasaran ikan pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh berkenaan dengan hal pemulihan Lembah Sungai Kesang. Saya lihat ada projek

mengenai Sungai Kesang yang hendak dipercepatkan projeknya, dibaiki dan masuk ke Johor dan terus ke Tangkak ke kawasan saya Ledang. Saya minta kalau boleh projek ini dipercepatkan, sebab saya dengar projek ini hendak diberhentikan sementara dan hendak menunggu Rancangan Malaysia Ketiga. Saya tidak tahulah samada tidak ada wang, tetapi saya berharap janganlah diberhentikan malahan diteruskan dan dipercepatkan oleh sebab banyak terlibat kawasan-kawasan yang sangat merugikan rakyat luar bandar terutama sekali orang-orang yang duduk di Lembah Kesang itu sendiri termasuklah kawasan Tangkak sampai ke Hulu Sungai Kesang dan sampai ke Tangkak. Di kiri-kanan sungai itu selagi tidak dibaiki, tidak digali balik supaya airnya tidak bah, maka tanaman tidak akan boleh hidup di situ. Jadi tidak sesuai dengan apa yang kita hendak mintakan supaya orang-orang kampung di luar bandar menggunakan tanahnya untuk tanaman. Kalau boleh projek itu dipercepatkan kerana hari ini didapati projek di sempadan Melaka nampaknya baik. Kata orang di sebelah Melaka sudah bagus, tetapi di sebelah Tangkak belum sampai dan di tengah-tengah kawasan itu telah tersekat oleh lumpur sehinggakan air Sungai Kesang itu apabila sampai ke hulu tersekat dan apabila hujan turun lebat sedikit terus bah dan merosakkan semua tanaman di kiri-kanan sungai itu seperti keladi, pisang, nenas semuanya habis rosak. Jadi apabila kita hendak galakkan supaya menggunakan tanah mereka kata: kami tak boleh buat dengan sebab Sungai Kesang bah dan merosakkan semua tanamannya. Hanya satu sahaja pandangan orang di kampung itu iaitu percepatkan kerja-kerja menggali Sungai Kesang itu supaya sampai tarus ke hulu, ke Tangkak itu boleh diselamatkan dan mereka kata boleh menjadi sebuah lembah yang subur di situ, barangkali tanaman kelapa sawit pun sesuai sebab di situ ada beratus-ratus ekar tanah lagi yang sedang dipohon oleh orang di situ.

Saya minta kepada Menteri yang berkenaan tambahan pula ada terlibat dengan Negeri Melaka sedikit mempercepatkan ataupun menyudahkan projek Sungai Kesang itu lebih awal daripada masa yang dikehendaki oleh projek itu sendiri supaya penduduk-penduduk di situ dapat lebih menikmati tanah seperti yang kita harapkan. Mereka sangat berkehendakkan untuk bekerja

sendiri, mereka hendak menanam padi, hendak menanam buah-buahan atau kelapa sawit daripada tanah di situ atau hasil tanaman yang lain, tetapi malangnya keadaan sungai itu sendiri tidak mengizinkan mereka berbuat begitu. Kalau boleh sekiranya ada peruntukan wang tolonglah tambah cepat supaya sungai itu dapat digali sampai ke hulu dengan lebih memberi faedah yang banyak.

Saya rasa itulah sahaja harapan saya kepada Kementerian ini dan saya menyokong penuh rancangannya dengan melibatkan wang yang beratus-ratus juta ringgit itu.

6.10 ptg.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze (Padawan): (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, a study of the figures in the Estimates before us shows very clearly the determination of the Government to expand our agricultural sector, and we can look forward with optimism for the realisation of self-sufficiency in food. As we know, Mr Chairman, Sir, this effort is a gigantic one, and I think with the co-operation from all sectors particularly from the various States, perhaps this scheme that the Federal Government has in mind will be successfully carried out.

There is one matter which I would like to refer to the Honourable Minister, under Head P. 17, Sub-head 22, Soils and Analytical Facilities. A provision of something like \$780,000 has been made under this item for 1975, which shows a slight increase from the provision for 1974. But I have a feeling that this amount may be too small for this project if we are going to have proper soil and analytical survey carried out all over the country. I refer particularly to Sarawak where we have quite a big land mass but, unfortunately, the soil survey has never been properly carried out there. So, I would appeal to the Minister to bear this in mind, so that, perhaps, the facilities that are provided now for Semenanjung Malaysia could also be extended to Sarawak and Sabah, because in order to make use of the available land, the first thing we have to do is to find out what we can grow on the land—and that means a soil survey must be carried out first.

I now refer to Sub-head 39, Pepper Subsidy Scheme. I am glad to see that a sum of \$6,000,000 has been provided for this

Scheme for next year, which is nearly double of this year's provision. This is, of course, good news for the pepper planters in the State. However, what I would like the Honourable Minister to keep an eye on is this: that as soon as this Budget is approved, the amount of money should be soon made available either in the form of cash or in the form of fertilisers, because in the past we had a rather disappointing experience of the subsidies coming very late in the year and the officers on the ground were unable to give the subsidies to the planters as promised. So we hope very much that this time no undue delay would be experienced again.

Now I refer to Sub-head 16, Beef/Dairy Scheme, MAJUTERNAK, Sarawak. We, of course, welcome the assistance from the Federal Government for such a scheme in Sarawak which, of course, is being carried out under the name of this Corporation and this means that this Corporation will have to carry out the scheme on land belonging to the State. May I suggest that this Corporation would, in the process of implementing the scheme on the State land, also share its experience and "know-how" with the local people. Mr Chairman, Sir, in Sarawak, most of the land belongs to the natives under customary rights, and much of it has been now used for shifting cultivation. We know now that this is not a very fruitful exercise, because the land could be put to better use and one of the good uses that could be put to, is by extension of this scheme to some areas; and this Corporation could organise the people who have got the right over their land and they could be persuaded to take part in this scheme as a separate exercise. If that can be done—I don't expect it to be done immediately but a start can be made now or next year—then eventually these people will benefit by this new venture.

Mr Chairman, Sir, once the scheme is launched by the Corporation, we would have to think of two things. First is the question of marketing their produce, and secondly we have the problem, as is the case in some parts of Semenanjung Malaysia, of transportation. I think we have to pay attention to these because we do not want to have a situation whereby a lot of cattle meat could not be taken out from the area.

Now I refer, Mr Chairman, Sir, to Sub-head 237, Farmers Organisation Authority.

There is a provision for \$9,000,000 in the Estimates. I welcome the provision for this. But what I am concerned is what this Authority can do for the farmers. We have in the Estimates here many provisions for assisting the fishermen. I think they need to be organised, and these fishermen should have a better deal. Similarly, I think, we should make sure that these farmers would not be exploited too much by the middlemen. We have, of course, now the Farmers' Associations. I would imagine that this Farmers Organisation Authority will keep an eye or supervise the various Farmers' Associations that are now in existence. The Farmers' Associations can prove to be very beneficial to farmers, for one thing if they can organise themselves in a way that they would be able to obtain cheaper fertilisers and cheaper tools, machines and so on for their farms and at the same time they could sell their products at a more reasonable price.

There is one matter here which I would like to bring to the notice of the Ministry concerned and that also concerns Sarawak anyway, where the Department of Agriculture has allowed certain officers from the Department to go and assist in organising the farmers' associations which, of course, is a very good thing. But these officers are experts only in their own fields, i.e. as agricultural officers, and they are not, in all cases, good managers or good in public relations. So, I would suggest that those officers who are asked to help to organise these farmers and also help to run the farmers' association should be given certain courses in management and in public relations. In this way, they can be more useful and much more effective in their work.

Lastly, Mr Chairman, Sir, I come to Drainage and Irrigation. We have experienced that drainage and irrigation is quite a specialised subject and, in fact, engineers qualified for this job are very difficult to come by. From our experience in Sarawak, many of the engineers, who are asked to go and serve in this Department, would prefer to work in the Public Works Department, because they feel that they can get quicker promotions and so on there. So, I would suggest to the Ministry concerned, in particular to the Honourable Minister, to devise a certain scheme whereby the engineers who serve in this particular Department

would be able to look up to a prospect of being, say, equal to the Director of Public Works Department or to a post of an equal rank, so that people who are serving in that Department would not feel they are left out in the scheme of service.

6.24 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, pertama saya mahu menyentuh P. 17, muka surat 106, Pecahan-kepala 28—Sekolah-sekolah Pertanian.

Saya masih ingat bahawa di dalam Perbahasan Budget, saya ada mengemukakan hal Sekolah-sekolah Pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, tetapi malangnya saya sangat kesal, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri perkara-perkara yang saya bangkitkan tidak disentuh sungguhpun perkara itu belum diselesaikan. Perkara itu ialah mengenai "students' unrest", keadaan tidak puas hati antara pelajar-pelajar di Sekolah-sekolah Pertanian—kelima-lima buah dalam Semenanjung Malaysia, iaitu di Ayer Hitam, Johor, di Bumbung Lima, Pulau Pinang, di Parit, di Serdang dan lagi satu di Kuala Lipis dan dalam perkara yang berkaitan ialah mengenai taraf, mengenai masa depan pelajar-pelajar yang lulus daripada sekolah-sekolah itu.

Baharu-baharu ini saya baca dalam akhbar bahawa satu pengumuman ada dibuat bahawa untuk masa depan hanya mereka yang ada L.C.E. atau Sijil Rendah Pelajaran akan diambil untuk memasuki sekolah-sekolah yang tersebut. Ada dua perkara yang dibangkitkan.

Satu perkara ialah kedudukan pelajar-pelajar sekarang dalam kelima-kelima buah institut ini sebagaimana Yang Berhormat Menteri maklum boleh dikatakan lebih 95% daripada pelajar-pelajar di situ ada qualification atau kelulusan, kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia dan sungguhpun pada asalnya pelajar-pelajar untuk institut itu ialah untuk mereka yang ada S.R.P. tetapi oleh kerana perubahan keadaan di mana kebanyakan pelajar-pelajar ada kelayakan S.P.M., itu membanyakan pertumbuhan pelajaran di negara kita di mana pelajar-pelajar yang ada S.P.M. tidak boleh mendapat pekerjaan, tidak boleh mendapat peluang melanjutkan pelajaran dan oleh sebab itu mereka masuk

institusi-institusi yang pada mulanya ialah untuk pelajar-pelajar yang ada S.R.P. dan adakah kepentingan mereka akan diabaikan dan mereka akan ditempatkan di satu taraf yang sejajar dengan S.R.P.

Saya rasa jikalau Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar tidak melayan tuntutan yang sangat adil oleh mereka maka satu keadaan yang tidak adil akan berlaku, sungguhpun pegawai-pegawai Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar bandar ada menyeru semua pelajar-pelajar yang boycott, yang memulaukan sekolah-sekolah pertanian dan pada satu masa ada tunjuk perasaan hendaklah balik ke sekolah. Saya rasa yang sangat mustahak ialah perkara pokok, iaitu taraf dan masa depan mereka mesti dilayan dan diselesaikan.

Dalam ulasan-ulasan saya di masa perbahasan Budget, saya ada mengatakan kemungkinan Kementerian akan mengumumkan bahawa untuk mengelakkan peristiwa

itu pelajar-pelajar yang mempunyai S.R.P. akan diambil dan saya telah sebutkan tadi iaitu perkara ini telah berlaku. Saya rasa dasar itu mesti dikaji oleh kerana keadaan di negara kita educated unemployed atau pemuda-pemuda yang dapat pelajaran yang tidak boleh dapat pekerjaan yang berfaedah satu masaalah yang sangat rumit.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, panjang lagi? Kalau panjang lagi boleh disambung pada hari Isnin.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 9hb Disember, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.